

BAB 3

JENIS-JENIS KOHESI DALAM WACANA ARAB

3.1 Pengenalan

Dalam bab tiga ini, pengkaji akan membincangkan jenis-jenis kohesi yang terdapat dalam sesbuah wacana penulisan Arab. Secara dasarnya, kerangka atau teori pembahagian kohesi ini diasaskan daripada kerangka yang diutarakan oleh Halliday dan Hasan (1976). Kerangka Halliday dan Hasan secara umumnya mengklasifikasikan kohesi dalam wacana kepada dua bahagian utama iaitu kohesi nahu dan kohesi leksikal. Ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:5-6) seperti berikut:

"Cohesion is expressed partly through the grammar and partly through the vocabulary. We can refer therefore to GRAMMATICAL COHESION and LEXICAL COHESION."

Seterusnya kohesi nahu dibahagikan kepada empat bahagian iaitu rujukan, elipsis, substitusi dan konjungsi. Setiap bahagian dalam kohesi nahu serta kohesi leksikal mempunyai alat-alat kohesi (*cohesive devices*) yang berperanan menghubungkan satu unsur wacana dengan unsur yang lain mengikut tatacara atau prinsip yang ditetapkan dalam lingkungan jenis kohesi masing-masing. Peranan pengkaji dalam bab ini ialah membuat aplikasi modul kohesi yang dinyatakan tadi ke dalam wacana Arab. Dalam proses aplikasi ini, beberapa penyesuaian dilakukan supaya ia selaras dengan bentuk dan struktur wacana Arab. Walau bagaimanapun, penyesuaian ini tidaklah sampai ke peringkat merombak dan mengubah kerangka dasar yang

disarankan oleh Halliday dan Hasan. Dalam proses melakukan penyesuaian, pengkaji memperolehi manfaat yang besar daripada beberapa buah buku yang dikarang oleh sarjana-sarjana bahasa dan linguistik Arab. Beberapa bahagian dalam buku mereka menjadi asas pencetus idea kepada pengkaji dalam membina kaedah kohesi yang khusus untuk wacana penulisan Arab. Contoh-contoh yang dikemukakan ada yang dipetik daripada konteks wacana penulisan yang sebenar. Justeru itu, kaedah kohesi wacana Arab yang terbina adalah merupakan hasil gabungan prinsip-prinsip tatabahasa Arab dan linguistik wacana moden.

3.2 Kohesi Rujukan

Terdapat beberapa perkataan dalam bahasa Arab yang memiliki ciri-ciri rujukan mengikut istilah analisis wacana. Perkataan-perkataan ini tidak dapat memberi makna yang sempurna serta boleh difahami. Ini bermakna interpretasi perkataan-perkataan tersebut boleh diperolehi dengan cara melakukan rujukan kepada mana-mana bahagian dalam wacana. Interpretasi semantik seperti ini menghasilkan perkaitan di antara satu unsur dalam teks dengan unsur yang lain. Perkaitan ini membentuk salah satu jenis kohesi utama dalam wacana yang dikenali sebagai kohesi rujukan.


Terdapat dua cara untuk mendapatkan makna bagi perkataan-perkataan rujukan dalam sesuatu teks. Pertama, dengan melihat di sekeliling teks iaitu mencari makna perkataan rujukan dari sumber dalam wacana itu sendiri. Cara ini dikenali sebagai rujukan teks (*text reference*). Cara kedua

ialah dengan melihat di luar teks iaitu mendapatkan makna perkataan rujukan dengan melihat kepada dunia luar atau konteks situasi wacana. Kaedah ini dikenali sebagai rujukan situasi (*situation reference*).¹

Halliday dan Hasan (1976) memberikan istilah bagi rujukan situasi sebagai eksofora (*exophora*) dan istilah bagi rujukan teks sebagai endofora (*endophora*). Ini bermakna setiap perkataan rujukan boleh termasuk sama ada dalam eksofora ataupun endofora. Sekiranya sesuatu perkataan rujukan termasuk dalam kategori endofora, pencarian makna perkataan dalam teks boleh dilakukan dengan melihat kepada bahagian teks yang sebelumnya atau bahagian teks yang selepasnya. Rujukan endofora kepada unsur teks sebelumnya dikenali sebagai anafora (*anaphora*), manakala rujukan endofora kepada unsur teks selepasnya dikenali sebagai katafora (*cataphora*).²

Pembahagian Halliday dan Hasan terhadap jenis-jenis rujukan ini dapat diperhatikan dalam rajah berikut:

Rajah 3: Jenis-jenis kohesi rujukan



Apa sahaja kata rujukan yang terdapat dalam teks boleh didapati dalam bentuk eksofora ataupun endofora atau mungkin juga kedua-duanya sekali. Arahan umum yang terdapat dalam kata rujukan sama ada eksofora ataupun endofora ialah ‘see elsewhere’. Halliday dan Hasan (1976) menyatakan bahawa rujukan endofora memiliki nilai kohesif secara langsung kerana ia membina integrasi di antara satu bahagian teks dengan bahagian yang lain. Rujukan eksofora pula membina perkaitan di antara bahagian teks dengan konteks situasi atau luar teks, tetapi tidak membina perkaitan di antara satu unsur dengan unsur yang lain dalam teks. Oleh itu, ia memiliki nilai kohesif secara tidak langsung.³

Alat-alat kohesi rujukan yang boleh digunakan dalam wacana Arab ialah *đamîr* dan *ism al-'isyârat*. Berikut diberikan penjelasan bagi setiap alat kohesi rujukan Arab.

3.2.1 Rujukan *Đamîr*

Đamîr atau ganti nama adalah kata nama *jâmid* yang menunjukkan kepada mutakallim (diri pertama) atau *mukhâṭab* (diri kedua) atau *ghâ'ib* (diri ketiga) dan berada di tempat sesuatu yang ditunjukkannya.⁴ Ganti nama mutakallim dan *mukhâṭab* juga dikenali sebagai ‘ganti nama *ḥâdîr*’ kerana orang yang ditunjukkan oleh ganti nama berkenaan mestilah hadir atau berada pada masa lanya diujarkan.⁵ Dalam bahasa Arab *đamîr* boleh digunakan sebagai alat kohesi rujukan seperti yang terdapat dalam contoh berikut:

[3.1] محمد طالب في المعهد. هو يحب اللغة العربية

Dalam contoh [3.1] di atas, ganti nama (هُوَ) yang terdapat dalam ayat kedua memerlukan rujukan kepada ayat sebelumnya bagi mengetahui interpretasinya yang sebenar. Rujukan ini menghasilkan pertalian di antara kedua-dua ayat melalui perkaitan yang dikenali sebagai kohesi rujukan.

Damīr menurut kaedah linguistik Arab diklasifikasikan kepada beberapa jenis seperti berikut:

3.2.1.1 Damiř Munfasil

Damīr munfaṣil adalah ganti nama yang tidak bersambung dengan mana-mana perkataan sama ada kata nama, kata kerja ataupun huruf. Damīr munfaṣil ini boleh diletakkan di awal ayat atau di akhirnya. Ia mempunyai bentuk yang tetap dan tidak boleh ditukarkan kepada muthannā atau jamak.⁶

Dari segi kedudukan 'i'rāb, ḍamīr munfaṣil boleh berada dalam keadaan marfū' atau mansūb tetapi tidak boleh berada dalam keadaan majrūr. ḍamīr munfaṣil yang berada dalam keadaan marfū' boleh dikelaskan untuk mutakallim, mukhāṭab dan ghā'ib. ḍamīr munfaṣil marfū' untuk mutakallim ialah أنتَ  dan نحنُ. ḍamīr munfaṣil marfū' untuk mukhāṭab ialah أنتَ  و  نحنُ.

. آشْنَىْ dan آشِمَّ . Manakala damīr munfasil marfū' untuk qhā'ib pula jalah مُهَاجِرٌ .

Damîr munfasil yang berada dalam keadaan mansub

juga boleh dikelaskan untuk mutakallim, mukhāṭab dan ghā'ib. Ḏamīr munfaṣil manṣūb untuk mutakallim ialah إِيَّا يَ and إِيَّاكَ . Ḏamīr munfaṣil manṣūb untuk mukhāṭab ialah إِيَّا كُنْ and إِيَّا كُمْ , إِيَّا كُمَا , إِيَّا كِ and إِيَّا كَ . Manakala Ḏamīr munfaṣil manṣūb untuk ghā'ib pula ialah إِيَّاهُ , إِيَّاهُمْ , إِيَّاهُمَا , إِيَّاهُنْ and إِيَّاهُنْ .⁷

3.2.1.2 Ḏamīr Muttaṣil

Ḏamīr muttaṣil adalah ganti nama yang bersambung dengan akhir perkataan sama ada kata nama, kata kerja ataupun huruf.⁸ Ḏamīr muttaṣil ini biasanya diletakkan di akhir perkataan dan ianya tidak boleh diletakkan di awal perkataan atau ayat iaitu tidak boleh disebut secara bersendirian.⁹ Dari segi kedudukan ḫrāb, Ḏamīr muttaṣil boleh berada dalam keadaan marfu' atau manṣūb dan majrūr. Ḏamīr muttaṣil yang berada dalam keadaan marfu' sahaja ialah تَاءُ الْمُتَحَارِرِاتِ (aitu ئَنْ, ئُمْ, ئُكَابِتِ, تِ, تِ, ئِ, ئِ) al-ithnayn, تَاءُ الْجَمَ�عِاتِ al-jamā'at, تَاءُ الْنِسَوَاتِ al-niswāt and تَاءُ الْمُخَاطَبَاتِ al-mukhāṭabāt. Ḏamīr muttaṣil yang berada dalam keadaan manṣūb dan majrūr ialah بَاءُ الْمُتَكَالِلِينَ, كَافُ الْمُخَاطَبِاتِ khāṭab (aitu كُنْ, كُمْ, كُمَا, كِ, كَ) and بَاءُ الْغَائِبِينَ al-ghā'ib (aitu هَمَّا, هَمَّا, هَمَّا, هَمَّا).

وَلِكَلْمَانْ (marfu') dan مُنْسَب (mansub'). Dāmir muttaṣil yang berada dalam ketiga-tiga keadaan iaitu marfu', mansub' dan majrūr ialah یا al-mutakallimīn.¹⁰

3.2.1.3 Dāmir Bāriz

Dāmir bāriz adalah ganti nama yang mempunyai bentuk yang nyata sama ada dari segi sebutan atau penulisan.¹¹ Dāmir bāriz diklasifikasikan secara umumnya kepada dua bahagian utama iaitu munfaṣil dan muttaṣil seperti yang dijelaskan tadi. Dāmir bāriz munfaṣil boleh terdapat dalam keadaan marfu' dan dalam keadaan mansub'. Ia tidak boleh terdapat dalam keadaan majrūr. Dāmir bāriz muttaṣil pula boleh terdapat dalam keadaan marfu', mansub' dan majrūr.¹²

3.2.1.4 Dāmir Mustatir

Dāmir mustatir adalah ganti nama yang tersembunyi atau tidak nyata dari segi sebutan dan penulisan.¹³ Dāmir mustatir terbahagi kepada dua kategori iaitu mustatir jawāz dan mustatir wujūb. Jika dāmir mustatir menunjukkan kepada ghāib, maka ia termasuk dalam kategori mustatir jawāz. Jika ia menunjukkan kepada ḥādir, maka ia termasuk dalam kategori mustatir wujūb.¹⁴ Dāmir mustatir jawāz adalah ganti nama yang diharuskan

berada dalam keadaan bersembunyi. Ini bermakna ia boleh juga berada dalam keadaan bāriz atau nyata dan boleh digantikan dengan kata nama lain yang zahir. ڏamīr mustatir jawāz ialah هُوَ dalam فَعَلَتْ هيَ dan dalam هُوَ dalam فَعَلَتْ هُوَ.

ڏamīr mustatir wujūb adalah ganti nama yang dimestikan berada dalam keadaan bersembunyi dan ditegah berada dalam keadaan nyata. Ini bermakna tidak ada kata nama lain yang zahir yang boleh mengambil alih tempat ڏamīr ini. ڏamīr mustatir wujūb ialah أَنْسَى dalam تَفَعَّلْ ، أَفْتَلْ dalam نَفَعَلْ ، أَنْتَ dalam نَفَعَلْ ، وَأَنْتَ dalam نَفَعَلْ serta أَنْتَ¹⁵.

Berdasarkan keterangan dan pembahagian ڏamīr seperti yang dinyatakan lepas, dapatlah dibuat kesimpulan tentang ganti nama yang terdapat dalam bahasa Arab seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4: Ganti nama dalam bahasa Arab

Damīr					
Munfaṣil			Muttaṣil		
Mutakallim	Mukhāṭab	Għā'ib	Mutakallim	Mukhāṭab	Għā'ib
أَنَا	أَنْتَ	هُوَ	أَنَا	أَنْتَ	هُوَ
نَحْنُ	أَنْتُمْ	هُنَّ	نَا	أَنْتُمْ	هُنَّ
إِنَّا	أَنْشَأْنَا	هُنَا	يَ	أَنْشَأْنَا	هُنَا
إِنَّا	أَثْنَمْ	هُنْمَ		أَثْنَمْ	هُنْمَ
	أَثْنَنْ	هُنْ		أَثْنَنْ	هُنْ
	إِنَّا	إِنَّاهُ		كَ	الْإِنْفُ
	إِنَّا	إِنَّاهَا		كَ	الْجَمَاءُ
	إِنَّا كُنَّا	إِنَّهُنَا		كُنَّا	الْنِسَاءُ
	إِنَّا كُمْ	إِنَّاهُمْ		كُمْ	الْمُكَحَّاتَبَاتُ
	إِنَّا كُنْ	إِنَّاهُنْ		كُنْ	
Mustatir					
mutakallim (أَنَا)			mutakallimin (نَحْنُ)		
mufrad ghā'ib (هُوَ)			mufrad ghā'ibat (هُنَّ)		
mukhāṭab (أَنْتَ)					

3.2.2 Rujukan Ism al-'Isyārat

Ism al-'isyārat atau kata nama penunjuk adalah kata nama yang digunakan untuk menunjukkan kepada sesuatu yang boleh dilihat atau dirasa.¹⁶ Dalam bahasa Arab, ism al-'isyārat boleh digunakan sebagai alat kohesi rujukan seperti yang terdapat dalam contoh berikut:

[3.2] أَعْجَبَنِي هَذَا الْأَعْبُ

Dalam contoh [3.2], interpretasi kata nama penunjuk (هذا) adalah tergantung dan memerlukan rujukan kepada bahagian teks sebelumnya bagi mengetahui maksud sebenar kata nama penunjuk berkenaan. Rujukan ini menghasilkan pertalian di antara ayat [3.2] dengan ayat atau bahagian wacana sebelumnya melalui perkaitan yang dikenali sebagai kohesi rujukan.

Ism al-'isyārat menurut kaedah linguistik Arab boleh diklasifikasikan berdasarkan jenis, bilangan dan manusia serta berdasarkan jarak dekat dan jauh.

3.2.2.1 Ism al-'Isyārat Berdasarkan Jenis, Bilangan dan Manusia

Pembahagian ism al-'isyārat dilakukan dengan melihat kepada sesuatu yang ditunjukkan itu dari segi jenis iaitu mudhakkar dan mu'annath atau bilangan iaitu mufrad, muthannā dan jamak ataupun manusia dan bukan manusia. Pembahagian ism al-'isyārat berdasarkan pertimbangan-pertimbangan ini adalah seperti berikut:

1- Kata nama penunjuk untuk mufrad mudhakkar sama ada manusia atau bukan manusia iaitu **هذا**.

2- Kata nama penunjuk untuk mufrada^ت mu'annatha^ت sama ada manusia atau bukan manusia iaitu **هذى**, **هذة**, **هذى** (ha' berbaris bawah dengan ikhtilās **kasrat**), **هذ** (ha' berbaris bawah dengan 'isyāra^ت kasrat), **ذات**, **ذى**, **ذى**, **ذات**

(هَ' berbaris bawah dengan ikhtilās kasrat) dan هُ (هَ' berbaris bawah dengan 'isybā' kasrat).

3- Kata nama penunjuk untuk muthannā mudhakkar sama ada manusia atau bukan manusia iaitu ذَانِ dalam keadaan marfū' atau ذَيْنِ dalam keadaan mansūb dan majrūr.

4- Kata nama penunjuk untuk muthannā mu'annath iaitu نَّ dalam keadaan marfū' atau نَّينِ dalam keadaan mansūb dan majrūr.

5- Kata nama penunjuk untuk jamak mudhakkar dan mu'annath sama ada manusia atau bukan manusia iaitu أَوْلَاءُ أو لَيْلَى.¹⁷

3.2.2.2 Ism al-'Isyārat Berdasarkan Jarak Dekat dan Jauh

Pembahagian ism al-'isyārat dilakukan dengan melihat kepada sesuatu yang ditunjukkan itu dari segi jarak sama ada dekat, jauh atau di antara keduanya. Pembahagian ism al-'isyārat berdasarkan pertimbangan-pertimbangan ini adalah seperti berikut:

- 1- Kata nama penunjuk yang digunakan untuk jarak yang dekat iaitu semua ism al-'isyārat yang telah dinyatakan dalam bahagian 3.2.2.1 yang lepas.
- 2- Kata nama penunjuk yang digunakan untuk jarak pertengahan di antara dekat dan jauh iaitu beberapa ism al-'isyārat yang telah dinyatakan dalam

bahagian 3.2.2.1 yang lepas dengan syarat ditambah di akhirnya huruf yang menunjukkan kepada pertengahan iaitu huruf كافُ al-khitāb.

Contohnya تانك dan ذانك .

3- Kata nama penunjuk yang digunakan untuk jarak yang jauh iaitu beberapa ism al-'isyārat yang telah dinyatakan dalam bahagian 3.2.2.1 yang lepas dengan syarat ditambah di akhirnya huruf لَمْ al-bu'd yang mesti diikuti oleh كَافٌ al-khitāb. Contohnya ذلك تُلْكَ dan تِلْكَ .

3.2.2.3 Hunā dan Thamma

Abbas Hasan (1974) menyatakan bahawa perkataan هـ dan نـ sebagai ism al-'isyarat selain sebagai ژarf makan. هـ adalah kata nama penunjuk untuk tempat yang dekat dan boleh dimasukkan هـ al-tanbih untuk menjadi هـ. Ia boleh ditambah dengan كـ al-khitab di akhirnya ataupun berserta هـ al-tanbih. Ini akan menghasilkan هـكـ ، هـنـكـ dan هـهـنـكـ yang

menunjukkan tempat yang sederhana jauh. Sekiranya dimasukkan di akhirnya لَمْ al-bu'd diikuti dengan كَافُ al-khiṭāb, maka ini akan menghasilkan هُنالِكَ yang menunjukkan tempat yang jauh.

Manakala ثُمٌ pula adalah kata nama penunjuk untuk tempat yang jauh dan tidak boleh dimasukkan هَاءُ al-tanbih dan كَافُ al-khiṭāb. Adakalanya ia boleh ditambah dengan ئَلْهَمْ al-ta'nīth untuk menjadi نَمَّةٌ.¹⁹

Berdasarkan keterangan ism al-'isyārat seperti yang dinyatakan lepas, dapatlah dibuat kesimpulan tentang kata nama penunjuk yang terdapat dalam bahasa Arab secara amnya seperti dalam jadual berikut:

Jadual 5: Kata nama penunjuk dalam bahasa Arab

Ism al-'Isyārat					
Dekat			Jauh		
Mufrad	Muthannā	Jamak	Mufrad	Muthannā	Jamak
هَذَا	هَذَانِ	هَؤُلَاءُ	ذَلِكَ	ذَانِكَ	أُولَئِكَ
هَذِهِ	هَائِنِ		يُنْكَ	ئَانِكَ	

Lain-lain	
Dekat	Jauh
هُنَا	هُنَاكَ
	هُنالِكَ
	نَمَّةٌ / ثُمَّةٌ

3.3 Kohesi Elipsis


Dalam konteks yang tertentu, beberapa perkataan dan frasa dalam teks boleh ditiada atau dihilangkan daripada ianya diulang. Kaedah penghilangan seperti ini dinamakan elipsis. Dalam analisis wacana, elipsis bermaksud menggantikan perkataan atau bahagian tertentu ayat dalam teks dengan sifar iaitu dengan sesuatu yang pada hakikatnya ada tetapi tidak dizahirkan dalam bentuk ucapan mahupun tulisan. Halliday dan Hasan (1976) menganggap kaedah elipsis ini sebagai penggantian oleh sifar atau '*substitution by zero*'.²⁰ Harimurti Kridalaksana (1983) mendefinisikan elipsis sebagai peniadaan kata atau satuan lain yang wujud pada asalnya dan boleh diramal dari konteks bahasa atau luar bahasa.²¹ Interpretasi perkataan atau komponen ayat yang dihilangkan memerlukan rujukan kepada bahagian teks yang sebelumnya. Ini seterusnya menghasilkan perkaitan kohesi di antara unsur teks yang dihilangkan dengan unsur lain yang terdapat sebelumnya yang dikenali sebagai kohesi elipsis. Perhatikan contoh berikut:

[3.3]

Lambang <>²² diletakkan bagi menunjukkan terdapat perkataan atau klausa yang dihilangkan. Dalam contoh [3.3] di atas, perkataan yang dihilangkan ialah (محمد). Perkataan yang dihilangkan itu tidak diganti dengan apa-apa dan tempatnya dibiarkan kosong. Penghilangan ini menghasilkan pertalian di antara dua unsur dalam wacana yang dikenali sebagai kohesi elipsis.

Halliday dan Hasan (1976) mengklasifikasikan elipsis secara umumnya kepada tiga jenis iaitu elipsis namaan atau kata nama (*nominal ellipsis*), elipsis kerjaan atau kata kerja (*verbal ellipsis*) dan elipsis kausa (*clausal ellipsis*).²³ Ini bermakna penghilangan boleh dilakukan ke atas satu perkataan daripada kategori kata nama atau satu perkataan daripada kategori kata kerja atau juga satu kausa sebagaimana yang digambarkan dalam rajah berikut:

Rajah 4: Jenis-jenis elipsis



Dalam bahasa Arab, kaedah elipsis dikenali sebagai kaedah al-ḥadhf yang boleh berlaku dalam beberapa keadaan sama ada melibatkan kata nama, kata kerja mahupun ayat. Kohesi elipsis boleh diaplikasikan ke dalam teks wacana Arab melalui konsep al-ḥadhf yang terdapat dalam nahu Arab. Abbas Hasan (1974) menyatakan bahawa elipsis sesuatu unsur dalam bahasa Arab boleh dilakukan jika memenuhi dua syarat. Pertama, jika terdapat qarinat atau petunjuk yang jelas tentang unsur yang dihilangkan serta tempatnya. Kedua, jika elipsis sesuatu unsur itu tidak merosakkan struktur nahuan dan makna ayat.²⁴ Perlu dinyatakan di sini bahawa tidak semua kaedah al-ḥadhf yang terdapat dalam nahu Arab bersesuaian dengan konsep elipsis dalam wacana. Hanya kaedah al-ḥadhf yang melibatkan

perkataan iaitu kata nama atau kata kerja dan klausa serta yang boleh menghasilkan pertalian dua unsur dalam teks sahaja yang dianggap bersesuaian dengan konsep elipsis yang sedang dibicarakan. Berikut dijelaskan kaedah al-hadhf dalam beberapa konsep nahu Arab yang boleh disesuaikan dengan kohesi elipsis dalam wacana.

3.3.1 Elipsis Mubtada' dan Khabar

Mubtada' dan khabar adalah dua unsur utama dalam jumlah ismiyyat iaitu ayat yang bermula dengan kata nama. Dalam kaedah nahu Arab, mubtada' dan khabar boleh dihilangkan daripada ayat atas sebab-sebab tertentu yang tidak menjelaskan makna dan struktur ayat serta mempunyai isyarat yang jelas untuk pemerolehan makna.²⁵ Pengguguran mubtada' atau khabar atau kedua-duanya sekali dalam ayat boleh dinyatakan sebagai satu kaedah elipsis dalam wacana Arab. Kohesi elipsis melalui peniadaan mubtada' dan khabar adalah berlaku secara pilihan (jawāz) ataupun wajib (wujūb).

3.3.1.1 Elipsis Mubtada' dan Khabar Secara Pilihan

Penghilangan secara pilihan ini boleh melibatkan mubtada' atau khabar atau kedua-duanya sekali. Perhatikan contoh-contoh berikut:

[3.4] في المكتبة <؟ الآخرين>

[3.5] مَنْ فِي الْحَقْلِ؟ عَلَيْهِ <>

[3.6] مَنْ يُخْلِصُ فِي وَاحِدٍ فَهُوَ عَظِيمٌ، وَمَنْ يَتَفَعَّلُ وَطَنَةً فَهُوَ عَظِيمٌ، وَمَنْ يَخْدِمُ الْإِنْسَانِيَّةَ <>

Dalam contoh [3.4], jawapan yang diberi kepada soalan sebelumnya menyaksikan penghilangan mutbada' iaitu (الأخ). Elipsis seperti ini diharuskan

kerana pendengar atau pembaca boleh mengetahui perkataan mana yang menduduki gatra mutbada' dengan membuat rujukan kepada soalan yang dilontarkan. Ini membolehkan pembaca membuat andaian terhadap jawapan yang penuh iaitu (الأخ في المكتب). Dalam contoh [3.5] pula, jawapan yang diberi

kepada soalan sebelumnya menyaksikan penghilangan khabar iaitu (في الحقل).

Pendengar atau pembaca boleh mengetahui perkataan mana yang menduduki gatra khabar dengan membuat rujukan kepada soalan yang dilontarkan. Ini membolehkan pembaca membuat andaian terhadap jawapan yang penuh iaitu (عليه في الحقل). Begitu juga dalam contoh [3.6] yang

memperlihatkan penghilangan mutbada' dan khabar secara serentak iaitu (فهو عظيم). Pendengar atau pembaca boleh mengetahui perkataan mana yang

menduduki gatra tempat yang dihilangkan dengan membuat rujukan kepada klausa-klausa sebelumnya. Dari itu, akan terhasillah andaian terhadap ungkapan yang mengalami elipsis iaitu (وَمَنْ يَخْدِمُ الْإِنْسَانِيَّةَ فَهُوَ عَظِيمٌ)²⁶.

3.3.1.2 Elipsis Mubtada' dan Khabar Secara Wajib

Penghilangan secara wajib ini boleh melibatkan mubtada' ataupun khabar. Elipsis mubtada' wajib berlaku dalam keadaan-keadaan berikut:

- 1- Perkataan yang pada asalnya adalah na't atau adjektif yang dipotong daripada ayat asalnya untuk dijadikan khabar bagi mubtada' yang dihilangkan. Contohnya:

[3.7] مَرِنْتُ بِالرَّجُلِ <> الْكَرِيمُ

Perkataan (الْكَرِيمُ) dalam contoh [3.7] pada asalnya adalah adjektif majrūr bagi perkataan (الرَّجُل). Akan tetapi, ia dipotong daripada ayat asalnya untuk dijadikan khabar marfu' bagi mubtada' yang telah dihilangkan iaitu (هُوَ).

- 2- Khabar bagi mubtada' yang dihilangkan dikhususkan (makhsūs) bagi نعمٌ atau يسٌ . Contohnya:

[3.8] صَلَاحُ الدِّينِ <> نِعْمَ الْقَادِيُّ

Dalam contoh [3.8], perkataan (صَلَاحُ الدِّينِ) yang dikhususkan dalam pujian (نعمٌ) menjadi khabar bagi mubtada' yang telah dihilangkan iaitu (هُوَ).

- 3- Dalam ayat bentuk qasam. Contohnya:

[3.9] فِي ذِيْمَتِي <> لَا جَاهِدَنْ

Khabar dalam contoh [3.9] ialah (فِي ذِيْمَتِي), manakala mubtada' yang dihilangkan secara wajib ialah (يَمِينُ).

4- Mubtada' dan khabar terdiri daripada maṣdar atau kata nama perbuatan yang serupa, lafaz yang serupa dan juga daripada kata kerja yang serupa.

Contohnya:

صَبَرْ حَمِيلْ <> [3.10]

Khabar dalam contoh [3.10] ialah (صَبَرْ), manakala mubtada' yang dihilangkan secara wajib ialah (صَبْرِي).²⁷

5- Apabila mubtada' berada selepas لا سيما. Contohnya:

أَحِبُّ الْفَاكِهَةَ لَا سيما <> العَنْبَرُ [3.11]

Khabar dalam contoh [3.11] ialah (العنْبَرُ), manakala mubtada' yang dihilangkan secara wajib ialah (هُوَ).²⁸

Elipsis khabar wajib pula berlaku dalam keadaan-keadaan berikut:

1- Khabar yang berada selepas mubtada' yang didahului oleh (لَوْلَا).

Contohnya:

[3.12] لَمْ لَا الْقَادِرُ <> لَا نَهَزْنَا

Dalam contoh [3.12], mubtada' ialah (القَادِرُ) manakala khabar yang dihilangkan secara wajib ialah (مَوْجُودٌ).

2- Apabila mubtada' merupakan naṣ yang nyata (شَارِحٌ) dalam ayat berbentuk qasam. Contohnya:

[3.13] لَعَزْرُكَ <> لَا حَارِبَنَ الْعَدُوُّ

Dalam contoh [3.13], mubtada' ialah (عَنْـ) manakala khabar yang dihilangkan secara wajib ialah (فَسَيِّدٌ) atau (يَبْيَنُـ) atau (يَجْبَنُـ) ataupun (يَجْبَنِـ).

3- Apabila mubtada' terletak sebelum وَأَوْ al-ma'iyyat iaitu وَأَوْ yang membawa maksud dua perkara disamakan atau berlaku serentak. Contohnya:

<> الْفَلَاحُ وَحَقْلَةً [3.14]

Dalam contoh [3.14], mubtada' ialah (الْفَلَاحُـ) manakala khabar yang dihilangkan secara wajib ialah (مُتَلَازِمَانِـ) atau (مُتَقْرِنَانِـ) ataupun (مُتَصَابِحَانِـ).

4- Apabila mubtada' merupakan maṣdar atau kata nama perbuatan yang menjadi īamil (*functor*)²⁹ dan selepasnya terdapat kata ḥāl yang menduduki gatra khabar. Contohnya:

[3.15] مَكْتُوبًا <> النَّشِيدُ رَاعِي قِرَاءَةٍ

Dalam contoh [3.15], *mubtada'* ialah (قِرَاءَةٌ) manakala *khabar* yang dihilangkan secara wajib ialah (إِذَا كَانَ).³⁰

3.3.2 Elipsis Nawāsikh

Nawāsikh adalah lafaz kata kerja atau huruf yang masuk ke dalam *mubtada'* dan *khabar* sekaligus menukar hukum tatabahasa dalam ayat sedia ada supaya selaras dengan ayat baru yang telah dimasukkan *nawāsikh*.³¹

Dalam kaedah nahu Arab, lafaz-lafaz *nawāsikh* boleh dihilangkan daripada ayat dalam keadaan-keadaan tertentu sama ada secara wajib atau pilihan. Penghilangan *nawāsikh* daripada ayat boleh dinyatakan sebagai satu kaedah elipsis dalam wacana Arab. Berikut dinyatakan beberapa situasi elipsis *nawāsikh* dalam bahasa Arab.

1- Apabila kata kerja *nāsikh* كَانَ terdapat selepas آنَ al-masdariyyat, maka ia mesti dihilangkan dengan memasukkan pengganti atau 'iwād لـ .

Contohnya:

[3.16] أَنْ <> فَتَصَدِّقُ غَيْرُهُ

2- Apabila kata kerja nāsikh كَانَ terdapat selepas لَوْ dan إنِّ dan al-syartiyat،

maka ia boleh dihilangkan secara pilihan bersama ismnya. Contohnya:

[3.17] المَرْءُ مُحَاسِبٌ عَلَى عَمَلِهِ، إِنْ < خَيْرًا يَكُنُ الْجَزَاءُ خَيْرًا، وَإِنْ > شَرًّا يَكُنُ

الْجَزَاءُ شَرًّا

[3.18] تَعُودُ الرِّيَاضَةُ وَلَوْ < سَاعَةً فِي الْيَوْمِ

Dalam contoh [3.17], (كان) mengalami elipsis bersama ismnya iaitu

(كانت)، manakala dalam contoh [3.18], (كانت) mengalami elipsis bersama

ismnya iaitu (الرياضة).

3- Dalam keadaan yang sama juga iaitu apabila كَانَ terdapat selepas إنِّ dan

لوْ al-syartiyat، maka ia boleh dihilangkan secara pilihan bersama

khabarnya. Contohnya:

[3.19] المَرْءُ مُحَاسِبٌ عَلَى عَمَلِهِ، إِنْ < خَيْرٌ فَخَيْرٌ، وَإِنْ > شَرٌ فَشَرٌ

[3.20] أَطْعِمُ الْمِسْكِينَ وَلَوْ < رَغْيفٌ

Dalam contoh [3.19], (كَانَ) mengalami elipsis bersama khabarnya iaitu

(فِي عَمَلٍ), manakala dalam contoh [3.20], (كَانَ) mengalami elipsis bersama

khabarnya iaitu (فِي بَشْكُمْ).

4- Dalam pola ayat tertentu, apabila kata kerja nāsikh كَانَ terdapat selepas

ِإِنْ al-syariyyat, maka ia mesti dihilangkan bersama kedua-dua ma'mūl

iaitu ism dan khabarnya dengan memasukkan pengganti atau 'iwad ۖ.

Contohnya:

[3.21] اَذْهَبْ إِلَى الرِّيفِ صَيْفًا، إِنَّمَا لَا <>
اَذْهَبْ إِلَى الرِّيفِ صَيْفًا، إِنْ كُنْتَ لَا تَذْهَبْ إِلَى غَيْرِهِ

Dalam contoh [3.21], (كَانَ) mengalami elipsis bersama ismnnya iaitu

damīr (تَ) dan khabarnya iaitu (تَذْهَبْ إِلَى غَيْرِهِ). Asal ayat [3.21] adalah seperti

dibawahnya.³²

5- Kata kerja nāsikh boleh juga dihilangkan secara pilihan dalam situasi

jawapan bagi soalan berikut:

[3.22] مَاذَا تَرْغَمُ ؟ <> الْأَخْ مُتَنَظِّرًا فِي الْحَقْلِ

Dalam contoh [3.22], kata kerja *nāsikh* iaitu (أَزْعَمْ) dihilangkan secara pilihan kerana ia hanya boleh difahami daripada soalan yang dilontarkan.³³

6- Huruf *nāsikh* juga boleh dihilangkan bersama kedua-dua *ma'mūl* atau salah satu daripadanya. Contohnya:

[3.23] أَنَّ شَرْكَائِيَ الَّذِينَ كُشِّبْتُمْ تَرْغُمُونَ <>

Dalam contoh [3.23]³⁴, huruf *nāsikh* (أن) dihilangkan bersama ism iaitu (شُرَكَائِي) dan khabar iaitu (شُرَكَائِي).

7- Selain daripada elipsis lafaz *nāsikh*, klausa yang mengekori lafaz berkenaan juga boleh dihilangkan seperti dalam contoh berikut:

[3.24] هَلْ مِنْ جَاهِلٍ يَصْنُعُ لِلسُّيَادَةِ ؟ لَا جَاهِلٌ <>

Dalam contoh [3.24], klausa khabar iaitu (يَصْنُعُ لِلسُّيَادَةِ) yang datang selepas huruf *nāsikh* لـ *al-nāfiyāt li al-jins* dan ismnya iaitu (جَاهِلٌ) dihilangkan dalam jawapan bagi soalan yang diutarakan.³⁵

3.3.3 Elipsis Fa'il

Dalam kaedah nahu Arab, fa'il boleh dihilangkan daripada ayat atas beberapa sebab. Pengguguran fa'il dalam ayat boleh dinyatakan sebagai satu kaedah elipsis dalam wacana Arab. Kohesi elipsis melalui peniadaan fa'il boleh berlaku secara pilihan ataupun wajib iaitu dalam keadaan-keadaan berikut:

- 1- Apabila kata kerjanya berada dalam keadaan mabniyy li al-majhūl atau pasif. Dalam keadaan ini, elipsis fa'il adalah menjadi kemestian.

Contohnya:

[3.25] يَأْتِيهَا الُّذِينَ آمَنُوا كُتُبَ <> عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ

Dalam contoh [3.25]³⁶, fa'il (الله) yang terdapat selepas kata kerja (كُتب) telah dihilangkan.

- 2- Apabila fa'il terdiri daripada وَارُ al-jamā'aṭ atau يَاءُ al-mukhāṭabaṭ dan kata

kerjanya pula disambungkan dengan لُونُ al-tawķid. Dalam keadaan ini,

elipsis fa'il adalah menjadi kemestian. Contohnya:

[3.26] لَتَذَهَّبُنَّ يَا فَاطِمةً

[3.27] لَتَذَهَّبُنَّ يَا زَائِرُوْنَ

Dalam contoh [3.26], fa'il يَاءُ al-mukhāṭabaṭ yang merupakan ḥamīr bāriz muttaṣil dihilangkan untuk mengelakkan kecacatan morfologi iaitu

kerana *iltiqā' al-sakinayn*. Ungkapan asalnya ialah (لَذْهَبَيْنُ). Begitu juga dalam contoh [3.27] yang menyaksikan penghilangan *fā'il* iaitu وَأَوْ *al-jamā'at* daripada ungkapan asal (لَذْهَبُوكُنْ).

3- Apabila 'āmilnya dalam bentuk maṣdar atau kata nama perbuatan. Dalam keadaan ini elipsis *fā'il* adalah secara pilihan. Contohnya:

[3.28] إِكْرَامُ <> الْوَالِدَ مَطْلُوبٌ

Dalam contoh [3.28], *fā'il* (مُسْرِ) yang merupakan ḥamīr mustatir dihilangkan selepas maṣdar (إِكْرَامٍ) yang berfungsi sebagai 'āmil.

4- Apabila *fā'il* dan 'āmilnya ditiadakan atas tujuan *balāghat* dengan syarat terdapat petunjuk yang jelas terhadap maksud ayat. Dalam keadaan ini elipsis *fā'il* adalah secara pilihan. Contohnya:

[3.29] مَنْ قَاتَلَ ؟ <> صَدِيقًا

Dalam contoh [3.29], *fā'il* (تَ) yang merupakan ḥamīr bāriz muttasil dihilangkan bersama kata kerjanya iaitu (قَاتَلَ).³⁷

Selain daripada *fā'il*, elipsis juga boleh berlaku kepada 'āmil *fā'il* sekiranya terdapat qarīnat atau petunjuk yang jelas tentang 'āmil yang dihilangkan. Contohnya:

[3.30] مَنْ حَضَرَ الْيَوْمُ ؟ <> عَلَيْ

Dalam contoh [3.30], ‘āmil (حَمْرَ) yang terdapat dalam jawapan bagi soalan yang diajukan mengalami elipsis secara pilihan, manakala fā'ilnya iaitu (عَلَيْ) dikekalkan.³⁸

3.3.4 Elipsis Maf'ul

Maf'ul termasuk dalam kategori faḍlāt yang bukan merupakan unsur yang asas dalam pembinaan ayat. Walaupun demikian, dalam kebanyakan keadaan maf'ul dinyatakan dalam ayat bagi menjelaskan makna sesuatu ungkapan. Dalam kaedah nahu Arab, maf'ul boleh dihilangkan daripada ayat atas sebab-sebab tertentu setelah memenuhi syarat-syarat yang akan dinyatakan.³⁹ Pengguguran maf'ul dalam ayat boleh dinyatakan sebagai satu kaedah elipsis dalam wacana Arab. Kohesi elipsis melalui peniadaan maf'ul boleh berlaku dalam beberapa keadaan berikut:

1- Penghilangan maf'ul bih boleh dilakukan secara pilihan kerana memelihara lafaz seperti memelihara wazan syair atau perkataan di akhir ayat-ayat yang mempunyai pertalian semantik ataupun atas sebab-sebab makna. Contohnya:

[3.31] وَالضُّحَا وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَدَ
ما وَدَعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَدَّ <>

[3.32] طَالَنَا أَنْقَتُ <>، وَسَاعَدْتُ <>، وَعَارَتُ <>

Dalam contoh [3.31]⁴⁰, mafūl bih (فِي) dihilangkan supaya wazan atau bentuk kata kerja (فَلَمْ) bersesuaian dengan wazan kata kerja (سَجَّا) yang terdapat dalam ayat sebelumnya. Dalam contoh [3.32], mafūl bih dalam bahagian ayat yang pertama iaitu (أَتَلَّ), bahagian ayat yang kedua iaitu (فَلَمَّا) dan yang ketiga iaitu (فَلَمْ تَلَّ) dihilangkan supaya tidak wujud pergantungan maksud di antara satu bahagian ayat dengan bahagian yang lain.⁴¹

2- Penghilangan kedua-dua mafūl bih dalam ayat atau salah satu daripadanya boleh dilakukan secara pilihan dalam situasi jawapan bagi soalan-soalan berikut:

[3.33] هَلْ حَسِبْتَ الْإِنْسَانَ وَأَصْلًا إِلَى الْكَوَافِرِ الْأُخْرَى ؟
نعم، حَسِبْتُ <>

[3.34] أَيُّ الْكَلَامَيْنِ أَشَدُ تَأثِيرًا فِي الْجَمَاهِيرِ، أَلْشِعْرُ أَمُّ الْخَطَابَةُ ؟
أَظُنُّ الْخَطَابَةَ <>

[3.35] مَا مَبْلُغُ عِلْمِكَ يَحَالِدُ بْنُ الْوَلِيدِ ؟
أَعْلَمُ <> بَطَلًا صَحَابِيًّا مِنْ أَبْطَالِ التَّارِيخِ

Dalam contoh [3.33], kedua-dua mafūl bih iaitu (وَأَصْلًا) dan (الْإِنْسَانَ) dihilangkan. Dalam contoh [3.34], mafūl bih kedua iaitu (أشدُّ) dihilangkan, manakala dalam contoh [3.35], mafūl bih pertama iaitu (حَالِدًا) dihilangkan.

Dalam ketiga-tiga contoh tadi, elipsis maf'ul bih boleh dilakukan kerana makna ungkapan boleh difahami daripada soalan yang dilontarkan sebelumnya.⁴²

3- Penghilangan maf'ul li 'ajlih boleh dilakukan secara pilihan jika ia terdapat sebelum maṣdar mu'awwal seperti dalam contoh berikut:

يَبْيَنُ اللَّهُ لَكُمْ <> أَنْ تَضْلُلُوا [3.36]

Dalam contoh [3.36]⁴³, maf'ul li 'ajlih yang mengalami elipsis ialah (خَشِيَةً).⁴⁴

Selain daripada maf'ul, elipsis juga boleh berlaku kepada 'āmil maf'ul sekiranya terdapat qarīnat atau petunjuk yang jelas tentang 'āmil yang dihilangkan. Contohnya:

مَاذَا حَصَدْتَ ? <> فَنَحَا [3.37]

Dalam contoh [3.37], 'āmil (حَصَدْتَ) yang terdapat dalam jawapan bagi soalan yang diajukan mengalami elipsis bersama fā'ilnya iaitu (تَ), manakala maf'ul bih dikekalkan.⁴⁵

3.3.5 Elipsis Mustathnā

Penghilangan mustathnā boleh dilakukan secara pilihan dalam ayat sekiranya memenuhi tiga syarat. Pertama, 'adāt al-istithnā' mesti terdiri

daripada 'إِلَّا' atau 'غَيْرُ'. Kedua, 'adāt al-istithnā' mesti didahului oleh perkataan

لَيْسَ dan ketiga, makna ungkapan dapat difahami dengan jelas. Contohnya:

<> [3.38] قَبَضْتُ عَشَرَةً لَيْسَ إِلَّا <>
<> قَبَضْتُ عَشَرَةً لَيْسَ غَيْرُ <>

Dalam contoh [3.38], mustathnā dihilangkan selepas 'adāt al-istithnā'⁴⁶. (لَيْسَ المَقْبُوضُ إِلَّا / غَيْرُ الْعَشَرَةِ) dan (إِلَّا). Ayat di atas sebenarnya bermaksud

3.3.6 Elipsis ḥāl

Penghilangan ḥāl boleh dilakukan secara pilihan dalam ayat sekiranya lafaz ḥāl itu berasal daripada perkataan القُولُ. Contohnya:

[3.39] حَلَسْتُ فِي حُجَّرَتِي، فَإِذَا صَدِيقِي الْغَائِبُ يَدْخُلُ <> : السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

Dalam contoh [3.39], perkataan yang menduduki gatra ḥāl iaitu (قَابِلاً) dihilangkan kerana ia boleh difahami berdasarkan qarinaḥ ungkapan (السَّلَامُ عَلَيْكُمْ).

Selain daripada ḥāl, 'āmil ḥāl juga boleh dihilangkan secara pilihan atau wajib dalam keadaan-keadaan berikut:

1- 'Amil ḥāl boleh dihilangkan secara pilihan jika terdapat petunjuk dalam ayat atau konteks. Contohnya:

[3.40] أَسْتَطِعُ الصُّورَةَ إِلَى قِمَةِ الْجَبَلِ؟ <> مُسْرِعاً

Perkataan (أَصْنَعْ) yang bertindak sebagai 'amil bagi kata ḥāl (مسرعاً)

dihilangkan dalam jawapan kepada soalan yang diajukan dalam contoh [3.40] berdasarkan petunjuk ayat dalam soal-jawab secara keseluruhan.

2- 'Amil ḥāl dihilangkan secara wajib jika ḥāl menduduki gatra khabar dan menunjukkan kepadanya. Contohnya:

[3.41] إِشَادِيُّ الْقَصِيْدَةِ <> مَحْفُوظَةٌ

Dalam contoh [3.41], perkataan (محفوظة) adalah ḥāl yang menduduki gatra khabar yang dihilangkan iaitu (إِذَا كَانَتْ).

3- 'Amil ḥāl dihilangkan secara wajib jika ḥāl terdiri daripada kata mufrad yang bertujuan memperkuuhkan kandungan ayat sebelumnya.
Contohnya:

[3.42] الْجَدُّ أَبُ <> رَاحِمًا

Dalam contoh [3.42], ḥāl adalah (راحماً) manakala 'amil ḥāl dihilangkan bersama šāhib ḥāl.

4- 'Amil ḥāl dihilangkan secara wajib jika ḥāl terdiri daripada kata mufrad yang bermaksud 'pertambahan atau pengurangan secara berperingkat-peringkat'. Contohnya:

[3.43] تَصَدِّقُ عَلَى الْمُحْتَاجِ بِدِرْهَمٍ، فَـ <> صَاعِداً

Dalam contoh [3.43], **hal** adalah (صَاعِداً) manakala 'amil **hal** dihilangkan bersama **shāhib hal**. Asal ayat ialah (فَادْهَبْ بِالْعَدَدِ صَاعِداً).

5- 'Amil **hal** dihilangkan secara wajib jika **hal** didahului oleh kata tanya yang bertujuan celaan. Contohnya:

فِي <> عَاطِلاً وَالْعَمَلُ يَطْلُبُكَ؟ [3.44]

Dalam contoh [3.44], **hal** adalah (عَاطِلاً), manakala 'amil **hal** yang dihilangkan ialah (ثُرِجْدُ).

6- 'Amil **hal** dihilangkan secara wajib berdasarkan faktor *samā'iyy* seperti ungkapan berikut:

هَنِئْنَا لَكَ <> [3.45]

Dalam contoh [3.45], **hal** adalah (هَنِئْنَا), manakala 'amil **hal** yang dihilangkan ialah (ثُتُّ).⁴⁷

3.3.7 Elipsis Na't

Elipsis na't atau adjektif dan man'utnya boleh dilakukan secara bersendirian atau kedua-duanya sekali. Perhatikan contoh-contoh berikut:

[3.46] أَمَّا السُّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسَاكِينَ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرْدَتْ أَنْ أَعْيَهَا وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سُفِينَةٍ <> غَصْبًا

[3.47] حَمَّاءٌ <> الْفَارِسُ

[3.48] ثُمَّ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَا <>

Contoh [3.46]⁴⁸ merupakan petikan ayat Al-Quran yang memperlihatkan penghilangan na't (صالحٍ) secara pilihan selepas perkataan (سفينة). Dalam contoh [3.47] pula, hanya man'ūt dihilangkan iaitu (الرَّجُل)، manakala dalam contoh [3.48]⁴⁹ kedua-dua na't dan man'ūtnya dihilangkan iaitu (حياة ثانية).⁵⁰

3.4 Kohesi Substitusi

Kohesi substitusi atau penggantian pada asasnya sama dengan kohesi elipsis kerana kedua-duanya melibatkan peniadaan unsur tertentu dalam teks. Perbezaannya ialah unsur yang ditiadakan digantikan dengan unsur lain dalam kohesi substitusi, manakala dalam kohesi elipsis tiada unsur gantian yang disediakan untuk unsur yang telah dihilangkan. Ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:88) seperti berikut:


"... substitution as the replacement of one item by another, and ellipsis as the omission of an item. Essentially the two are the same process; ellipsis can be interpreted as that form of substitution in which the item is replaced by nothing."

Harimurti Kridalaksana (1983) mendefinisikan substitusi sebagai proses atau hasil penggantian unsur bahasa oleh unsur lain dalam satuan yang lebih besar untuk memperoleh unsur-unsur pembeza atau untuk menjelaskan suatu struktur tertentu.⁵¹ Kohesi substitusi merupakan pertalian nahu yang lebih menumpukan kepada perkaitan unit-unit linguistik pada peringkat leksikogrammatikal iaitu peringkat nahu dan perkataan. Ia membolehkan penulis atau penutur mengelak daripada mengulangi ungkapan yang sama dengan mengantikannya dengan perkataan tiruan lain yang lebih ringkas. Ini sebagaimana menurut Renkema (1993:37) seperti berikut:

"Substitution is the replacement of a word (group)
or sentence segment by a 'dummy' word".

Halliday dan Hasan (1976) mengklasifikasikan substitusi secara umumnya kepada tiga jenis iaitu substitusi namaan atau kata nama (*nominal substitution*), substitusi kerjaan atau kata kerja (*verbal substitution*) dan substitusi klausa (*clausal substitution*).⁵² Ini bermakna penggantian boleh dilakukan ke atas satu perkataan daripada kategori kata nama atau satu perkataan daripada kategori kata kerja atau juga satu klausa sebagaimana yang digambarkan dalam rajah berikut:

Rajah 5: Jenis-jenis substitusi



Kohesi wacana melalui kaedah substitusi dalam bahasa Arab juga merupakan kaedah al-ḥadhf tetapi terbatas kepada kaedah al-ḥadhf yang menggantikan unsur yang dihilangkan itu dengan unsur lain yang nyata. Ini seterusnya dapat membina perkaitan di antara unsur yang dihilangkan dengan unsur penggantinya. Substitusi dalam wacana Arab bukan sahaja boleh diperolehi melalui perkataan-perkataan tertentu tetapi juga melalui tanwīn (*nunation*).

3.4.1 Substitusi Melalui Tanwīn al-Ta'wīd

Tanwīn merupakan tanda utama bagi menentukan bahawa sesuatu perkataan itu termasuk ke dalam golongan kata nama. Antara jenis-jenis tanwīn ialah tanwīn al-ta'wīd yang memerlukan penghilangan satu huruf atau satu perkataan ataupun satu klausa atau lebih.⁵³ Dalam kaedah tanwīn al-ta'wīd, unsur bahasa yang dihilangkan itu digantikan dengan tanwīn. Ini bermakna kehadiran tanwīn al-ta'wīd menunjukkan terdapat unsur bahasa yang dihilangkan dalam ayat sekaligus menjelaskan kepada pembaca atau pendengar perkaitan di antara unsur yang dihilangkan dan unsur pengganti. Dalam hal ini, tanwīn al-ta'wīd yang melibatkan penghilangan perkataan atau klausa boleh digunakan sebagai kaedah substitusi dalam wacana Arab.

Perhatikan contoh-contoh berikut:

[3.49] قَسْمَتُ الْمَالَ بَيْنَ الْمُسْتَحِقِينَ، فَأَعْطَيْتُ كُلُّ نَصِيبٍ

[3.50] تَعْجِبُنِي الصُّحْفُ الْيَوْمِيَّةُ غَيْرَ بَعْضٍ

[3.51] حَمَّاءُ الصَّدِيقِ، وَكُنْتَ حِينَئِذٍ غَايَاً

[3.52] سَابَقْتَ وَكَانَ زُمَلَاؤُكَ سَاعِيَتِي يَرْجُونَ لَكَ الْفَوزَ

Menerusi kaedah tanwīn al-ta'wīd, perkataan dan klausa boleh ditiadakan dengan mendatangkan pengganti berbentuk tanwīn. Dalam ayat [3.49], tanwīn yang terdapat pada perkataan yang bergaris menggantikan unsur yang dihilangkan iaitu perkataan (الْمُسْتَحْقِينَ). Dalam ayat [3.50], tanwīn yang terdapat pada perkataan yang bergaris menggantikan unsur yang dihilangkan iaitu perkataan (الصُّحْفُ). Dalam ayat [3.51] pula, tanwīn yang terdapat pada perkataan yang bergaris menggantikan unsur yang dihilangkan iaitu klausa (حَمَّاءُ الصَّدِيقِ) dan ayat [3.52] memperlihatkan tanwīn yang terdapat pada perkataan yang bergaris menggantikan unsur klausa (سَابَقْتَ).

3.4.2 Substitusi Melalui Perkataan

Dalam bahasa Arab, terdapat beberapa perkataan yang boleh digunakan sebagai pengganti bagi ungkapan yang dihilangkan. Perhatikan contoh-contoh berikut:

[3.53] حَضَرَتْ فَاطِمَةُ فِي الْمَدْرَسَةِ الْيَوْمَ وَحَضَرَ أَخْرُوهَا أَيْضًا

[3.54] يَتَضَعُ لَنَا مِنْ خِلَالِ الْعَوَامِلِ السَّابِقَةِ أَنَّ الْإِسْلَامَ لَمْ يُحَرِّمِ الشَّعْرَ وَالشُّعُرَاءَ

[3.55] إِنْ تَعْكُدَ الْمَعْنَى يُشَيرُ إِلَى كَلِمَةٍ وَاحِدَةٍ لَهَا أَكْثَرُ مِنْ مَذْنُولٍ كَمَا مَرَّ بِنَا آنِفًا

Dalam contoh [3.53], perkataan (أَيْضًا) yang bergaris menggantikan unsur yang dihilangkan iaitu klausu (في المُدْرَسَةِ الْيَوْمِ). Dalam contoh [3.54], perkataan (السَّابِقَةِ) yang bergaris menunjukkan terdapatnya unsur bahasa yang tidak disebut dan (السَّابِقَةِ) bertindak sebagai substitusi bagi unsur bahasa berkenaan. Unsur bahasa yang dimaksudkan mungkin terdiri daripada (عَامِلٌ ج), (عَامِلٌ ب), (عَامِلٌ أ) dan seterusnya. Manakala dalam contoh [3.55], perkataan (تَنَاهِي) yang bergaris menunjukkan terdapat unsur bahasa yang ditiadakan dan ia bertindak sebagai substitusi bagi unsur bahasa berkenaan. Dalam hal ini, unsur bahasa yang ditiadakan itu merupakan penjelasan yang panjang lebar tentang konsep (تَعْدُدُ الْمَعْنَى).

3.5 Kohesi Konjungsi

Beberapa perkataan dan frasa adakalanya digunakan untuk menyatakan perkaitan tertentu di antara bahagian-bahagian wacana. Ia dikenali sebagai konjungsi atau kata penghubung. Konjungsi merupakan kohesi yang terhasil kerana maknanya sendiri. Ia tidak mempunyai pertalian langsung dengan unsur sebelum atau selepas teks tetapi berfungsi sebagai penyambung di antara unsur-unsur teks secara semantik. Ini terkandung

dalam definisi konjungsi yang dinyatakan oleh Renkema (1993:38) seperti berikut:

“Conjunction is a relationship which indicates how the subsequent sentence or clause should be linked to the preceding or the following (parts of the) sentence.”

Konjungsi menjadi alat kohesi kerana ia membawa pengertian tertentu yang membayangkan kehadiran komponen lain dalam wacana.⁵⁴ Harimurti Kridalaksana (1983) menyatakan bahawa konjungsi berfungsi menggabungkan kata dengan kata, frasa dengan frasa, klausa dengan klausa, ayat dengan ayat dan paragraf dengan paragraf.⁵⁵ Penggunaan konjungsi dalam wacana tidak terikat kepada susunan atau bentuk tertentu, sebaliknya ia boleh digunakan dengan pelbagai cara mengikut kesesuaian kandungan sesebuah wacana.

Halliday dan Hasan (1976) secara umumnya membahagikan konjungsi kepada empat bahagian iaitu konjungsi tambahan (*additive conjunction*), konjungsi lawan (*adversative conjunction*), konjungsi sebab (*causal conjunction*) dan konjungsi waktu (*temporal conjunction*). Terdapat juga konjungsi yang tidak termasuk dalam empat jenis di atas tetapi mempunyai nilai kohesif dalam sesebuah teks. Konjungsi seperti ini dikenali sebagai kontinuatif (*continuative*).⁵⁶

Dalam bahasa Arab, kohesi wacana melalui kaedah konjungsi boleh dilakukan melalui konjungsi nahu atau konjungsi teks. Konjungsi nahu yang bersifat struktural boleh diperolehi dan disesuaikan dengan kaedah yang terdapat dalam ḥurūf al-‘atf dan ḥurūf jar manakala konjungsi teks diperolehi daripada beberapa perkataan dan ungkapan frasa yang sering digunakan

untuk menghubungkan bahagian-bahagian teks. Melalui cara ini, bahagian-bahagian teks dapat dihubungkan secara konjungsi sama ada yang bersifat tambahan, lawan, sebab dan waktu ataupun yang bersifat kontinuatif bagi menghasilkan wacana yang kohesif. Berikut dijelaskan konjungsi nahu dan teks yang boleh dipraktikkan dalam wacana Arab.

3.5.1 Konjungsi Nahu

Konjungsi nahu adalah konjungsi yang diambil daripada kaedah-kaedah nahu Arab yang sedia ada dan ianya berfungsi sebagai penghubung di antara satu unsur tatabahasa dengan unsur tatabahasa yang lain.

3.5.1.1 Konjungsi Nahu melalui ḥurūf al-‘Aṭf

Dalam kaedah nahu Arab, terdapat sepuluh⁵⁷ ḥurūf al-‘aṭf yang berfungsi sebagai kata penghubung di antara ayat-ayat ataupun bahagian-bahagian ayat. Penggunaan huruf-huruf ini boleh dinyatakan sebagai satu kaedah konjungsi dalam wacana Arab sebagaimana yang dijelaskan seperti berikut:

- 1- Kata penghubung **السوار** membawa maksud **musyāraka** iaitu perkongsian makna yang sama dan penyatuan yang mutlak. Ini bermakna unsur yang

datang selepas ḥurūf al-‘atf iaitu al-ma‘tūf dan unsur yang datang sebelum ḥurūf al-‘atf iaitu al-ma‘tūf ‘alayh berlaku serentak tanpa ada sebarang unsur pendahuluan giliran atau pengaruh mempengaruhi di antara satu sama lain. Perhatikan contoh berikut:

[3.56] حَضَرَ الضَّيْفُ وَالصَّدِيقُ

Penggunaan (و) dalam contoh [3.56] menunjukkan bahawa kedua-dua unsur iaitu (الضييف) dan (الصديق) berkongsi kehadiran pada kadar yang sama rata tanpa dapat dipastikan siapa yang hadir dahulu.

2- Kata penghubung **فَـ** membawa maksud tartīb dan ta’qīb iaitu berlakunya pendahuluan giliran dengan turutan yang singkat dan cepat.

Contohnya:

[3.57] حَاءَ عَلَيْ فَسَعِيدٌ

Penggunaan (فـ) dalam contoh [3.57] menunjukkan bahawa (على) yang datang lebih dahulu daripada (سعيد) yang datang selepas tempoh yang singkat daripada kedatangan (علي).

3- Kata penghubung **كُـمْ** membawa maksud tartīb dan tarākhiyy iaitu berlakunya pendahuluan giliran dengan turutan yang agak lambat.

Contohnya:

[3.58] حَمَّاءُ عَلَيْهِ ثُمَّ سَعِيدٌ

Penggunaan (ثُمَّ) dalam contoh [3.58] menunjukkan bahawa (عَلَيْهِ) datang lebih dahulu daripada (سَعِيدٌ) yang datang selepas tempoh yang agak lama daripada kedatangan (عَلَيْهِ).

4- Kata penghubung حتى memberi maksud ghāyat iaitu matlamat atau sasaran. Ia menunjukkan bahawa al-ma'tūf merupakan sebahagian daripada al-ma'tūf 'alayh. Contohnya:

[3.59] يَمُوتُ النَّاسُ حَتَّى الْأَنْبِيَاءُ

Penggunaan (حتى) dalam contoh [3.59] menunjukkan bahawa (الأنبياء) merupakan sasaran yang hendak ditonjolkan dalam ayat. Kelompoknya lebih kecil dan berada dalam kelompok besar iaitu (الناس).⁵⁸

5- Penggunaan kata penghubung أَوْ membawa beberapa pengertian.

Sekiranya أَوْ terletak selepas jumlah ṭalabiyyat maka ia membawa tiga maksud. Pertama ialah takhyīr iaitu memberi kebebasan kepada pendengar atau pembaca untuk membuat pilihan sama ada al-ma'tūf atau al-ma'tūf 'alayh tanpa boleh menggabungkan kedua-duanya sekali. Kedua ialah 'ibāḥat iaitu memberi kebebasan kepada pendengar atau pembaca untuk membuat pilihan sama ada al-ma'tūf atau al-ma'tūf 'alayh atau

kedua-duanya sekali. Ketiga ialah 'idrāb iaitu menafikan keputusan yang dibuat melalui ungkapan pertama dengan beralih kepada keputusan kedua atau berikutnya. Manakala jika ^{أو} terletak selepas jumlah khabariyyat maka ia memberi empat maksud. Pertama ialah keraguan atau syak iaitu kedua-dua penutur dan pendengar ragu-ragu terhadap sesuatu perkara. Kedua ialah 'ibhām iaitu apabila penutur ingin menyembunyikan sesuatu yang diketahuinya daripada pengetahuan pendengar. Ini bermakna penutur mengetahui perkara tersebut tetapi tidak pada pendengar. Ketiga pula ialah tafsīl atau taqṣīm iaitu menjelaskan pembahagian sesuatu dengan terperinci dan keempat ialah 'idrāb.

Perhatikan contoh-contoh berikut:

[3.60] تَرَوْجُّ هِنْدًا أَوْ أَخْتَهَا

[3.61] تَمْتَعْ بِمُشَاهَدَةِ آثارِ الْفَرَاعِينِ فِي "الصَّبَيْدِ الْأَعْلَى" أَوْ "الْجَيْزَةِ"

[3.62] قَضَيْتُ فِي السَّيَاحَةِ ثَلَاثَيْنَ دَقِيقَةً أَوْ أَرْبَعَيْنَ

[3.63] مَتَى تُسَافِرُ لِأَشْارِكَكَ؟ قَدْ أَسَافِرُ يَوْمَ الْخَمِيسِ أَوْ الْجُمُعَةِ أَوْ السَّبْتِ

[3.64] الْكَلِمَةُ إِسْنَمٌ أَوْ فِعْلٌ أَوْ حَرْفٌ

[3.65] أَنْ أَخْرُجُ أَوْ أَقْبِمُ

Penggunaan ^(أو) dalam contoh-contoh ungkapan di atas mempunyai

beberapa maksud. Penggunaan ^(أو) dalam contoh [3.60] adalah untuk tujuan takhyīr, dalam contoh [3.61] untuk tujuan 'ibāḥat, dalam contoh [3.62] untuk tujuan menimbulkan syak atau keraguan, dalam contoh [3.63] untuk tujuan

'ibhām, dalam contoh [3.64] untuk tujuan tafsīl dan dalam contoh [3.65] untuk tujuan 'idrāb.⁵⁹

6- Kata penghubung 'أَمْ' terbahagi kepada dua bahagian iaitu 'أَمْ' muttaṣil dan

'أَمْ' munqati'. Konjungsi 'أَمْ' muttaṣil membawa maksud sesuatu yang datang

selepasnya mempunyai pertalian dengan sesuatu yang berlaku sebelumnya dan berkongsi daripada segi perlakuan. Ia biasanya terdapat selepas hamzat al-istiḥfām atau hamzat al-taswiyyat. Manakala konjungsi 'أَمْ' munqati' terletak di antara dua atau lebih ayat yang berbeza makna di

antara satu sama lain. Ia membawa maksud seperti 'بَلْ' atau 'idrāb iaitu memotong maksud ayat yang pertama dan meneruskan dengan ayat yang kedua atau berikutnya. Perhatikan contoh-contoh berikut:

[3.66] أَعَلَيُّ فِي الدَّارِ أَمْ خَالِدٌ

[3.67] هَلْ يَسْتَوِي الْأَغْمَى وَالْبَصِيرُ أَمْ هَلْ يَسْتَوِي الظُّلُمَاتُ وَالنُّورُ أَمْ جَعَلُوا لِلَّهِ شُرُكَاءَ

Penggunaan '(أَمْ)' dalam contoh [3.66] menunjukkan perlakuan al-ma'tūf

iaitu (خَالِدٌ) mempunyai pertalian dengan perlakuan al-ma'tūf 'alayh iaitu (عَلَيُّ)'.

Ini bermakna kedua-duanya saling memerlukan di antara satu sama lain.

Manakala penggunaan '(أَمْ)' dalam contoh [3.67]⁶⁰ menyatakan bahawa

segmen terakhir daripada ayat Al-Quran tersebut menunjukkan makna sebenar yang ingin disampaikan.⁶¹

7- Kata penghubung **بِلْ** membawa maksud *'idrāb* iaitu berpaling daripada satu perkara kepada perkara yang lain sekiranya terletak selepas ayat muthabat. Sekiranya terdapat selepas ayat manfiyy, maka ia memberi maksud *istidrāk* iaitu membetulkan kesilapan atau menghilangkan keraguan yang timbul sebelumnya atau memberi maksud seperti **لَكِنْ**.

Perlu dinyatakan bahawa **بِلْ** hanya berfungsi sebagai konjungsi jika al-ma'tūfnya dalam bentuk mufrad iaitu bukan ayat. Perhatikan contoh-contoh berikut:

[3.68] أَعْدَدْتُ الْجَوَابَ بِلْ الْمَسْأَلَةَ

[3.69] مَا صَادَقْتُ أَحَدًا بِلْ الْمُخْلِصِينَ

Penggunaan **(بِلْ)** dalam contoh [3.68] menunjukkan peralihan kepada **(الْمَسْأَلَةَ)** daripada hukum sebelumnya iaitu **(الْجَوَابَ)**. Manakala penggunaan **(بِلْ)** dalam contoh [3.69] memperakukan penafian hukum pada **(أَحَدًا)** serta memberi hukum yang sebaliknya pada **(الْمُخْلِصِينَ)**.

8- Kata penghubung **لَكِنْ** membawa maksud *istidrāk* iaitu sama dengan **بِلْ** dan berfungsi sebagai konjungsi jika memenuhi tiga syarat. Pertama, al-ma'tūfnya mesti dalam bentuk mufrad. Kedua, ianya mesti didahului oleh

الوَارُ ' huruf nafiyy atau nahiyy dan ketiga ianya tidak boleh berada bersama.

Contohnya:

[3.70] مَا قَاتَلْتُ أَحَدًا لَكِنْ أَخْاكَ

Penggunaan (لَكِنْ) dalam contoh [3.70] memperakukan penafian hukum pada (أَحَدًا) serta memberi hukum yang sebaliknya pada (أَخْاكَ).

9- Kata penghubung لَا berfungsi menafikan hukum pada al-ma'tūf sesudah mengiakan hukum tersebut pada al-ma'tūf 'alayh. لَا hanya berfungsi sebagai konjungsi jika al-ma'tūfnya dalam bentuk mufrad iaitu bukan ayat.

Contohnya:

[3.71] يَفُوزُ الشُّجَاعُ لَا الجَبَانُ

Penggunaan (لَا) dalam contoh [3.71] menafikan hukum pada (الجَبَانُ) setelah memperakukan hukum tersebut pada (الشُّجَاعُ).⁶²

10- Huruf إِمَّا yang berada pada kedudukan kedua adakalanya boleh berfungsi sebagai kata penghubung yang bermaksud أَوْ sebagaimana yang terdapat dalam contoh berikut:

[3.72] إِمْنَعْ السَّائِلَ إِمَّا دِرْهَمًا وَإِمَّا دِرْهَمَيْنِ

Penggunaan (أُوْنَتْ) yang kedua dalam contoh [3.72] berfungsi sebagai konjungsi yang membawa maksud أُوْرُ⁶³

3.5.1.2 Konjungsi Nahu melalui ḥurūf Jar⁶⁴

Dalam kaedah nahu Arab, ḥurūf jar dapat diklasifikasikan kepada tiga jenis⁶⁵ iaitu ḥurūf jar 'aṣliyyat, ḥurūf jar zā'idat dan ḥurūf jar syabīhat bi al-zā'idat. Daripada ketiga-tiga jenis ḥurūf jar tadi, didapati bahawa ḥurūf jar 'aṣliyyat boleh memainkan peranan sebagai penghubung di antara satu unsur bahasa dengan unsur yang lain. Ini adalah kerana ḥurūf jar 'aṣliyyat mempunyai dua fungsi iaitu membawa makna cabang yang baru dan menghubungkan di antara 'āmil dan ism majrūr.⁶⁶ Perhatikan contoh-contoh berikut:

[3.73] حَضَرَ الْمُسَافِرُ

[3.74] حَضَرَ الْمُسَافِرُ مِنَ الْقَرْيَةِ

[3.75] حَضَرَ الْمُسَافِرُ مِنَ الْقَرْيَةِ إِلَى مَقْرَبِ عَمَلِهِ

[3.76] حَضَرَ الْمُسَافِرُ مِنَ الْقَرْيَةِ إِلَى مَقْرَبِ عَمَلِهِ فِي سَيَارَةٍ

Apabila ayat [3.73] diujarkan, ianya masih merupakan ayat yang sempurna. Akan tetapi, beberapa persoalan akan timbul disebabkan ayat tersebut mempunyai beberapa kekurangan makna cabang. Antara persoalan-

persoalan yang timbul ialah adakah (المسافر) itu datang dari kampung atau bandar atau tempat yang jauh. Adakah (المسافر) itu datang menuju ke rumah atau tempat kerja. Adakah (المسافر) itu datang dengan bas atau kereta dan sebagainya. Dengan sebab itu, apabila ayat [3.74] dinyatakan dengan membawa huruf jar 'aṣliyy (عَلَيْهِ) bersama ism majrūrnya, maka akan terjawablah satu persoalan atau kekurangan makna tadi. Ini bermakna bahawa (عَلَيْهِ) dan ism majrūrnya telah membina makna cabang baru yang melengkapkan ayat [3.73] tadi. Apabila ayat [3.75] dinyatakan pula dengan membawa huruf jar 'aṣliyy (إِلَيْكُمْ) bersama ism majrūrnya, maka akan terjawablah satu lagi persoalan atau kekurangan makna tadi. Ini bermakna bahawa (إِلَيْكُمْ) dan ism majrūrnya telah membina satu lagi makna cabang baru yang melengkapkan ayat [3.73] tadi. Seterusnya, apabila ayat [3.76] dinyatakan dengan menambah lagi huruf jar 'aṣliyy (فِي) bersama ism majrūrnya, maka akan terjawablah satu lagi persoalan atau kekurangan makna tadi. Ini bermakna bahawa (فِي) dan ism majrūrnya telah menambah satu lagi makna cabang baru yang melengkapkan lagi ayat [3.73] tadi dan sekaligus menyatakan jawapan bagi segala pertanyaan yang timbul.

Daripada itu, dapat dinyatakan bahawa kombinasi kesemua ḥurūf jar 'aṣliyy dan ism majrūr masing-masing hanya berperanan sebagai pelengkap

ayat [3.73] dan tidak boleh berdiri dengan sendiri tanpa 'āmil atau kata kerja (جفع). Dalam hal ini, ḥurūf jar 'aṣliyy berfungsi sebagai konjungsi yang menghubungkan di antara 'āmil dan ism majrūr. Ini bermakna bahawa 'āmil tidak dapat memberi kesan makna kepada ism majrūr melainkan dengan bantuan konjungsi ḥurūf jar 'aṣliyy.⁶⁷

3.5.2 Konjungsi Teks

Konjungsi juga boleh dihasilkan mengikut keperluan teks melalui perkataan-perkataan dan frasa-frasa tertentu yang dapat membina perkaitan semantik di antara bahagian-bahagian teks. Sudah tentu konjungsi seperti ini tidak tertakluk kepada struktur dan sistem nahu Arab kerana ia dihasilkan berdasarkan tingkatan wacana yang merupakan tingkatan bahasa yang tertinggi. Nilai kohesif yang terkandung di dalamnya adalah disebabkan oleh makna yang dihasilkannya. Halliday dan Hasan (1976:321) menyatakan:

"Conjunctive relations are encoded not in the form of grammatical structures but in the looser, more pliable form of linkages between the components of a text."

Konjungsi teks dalam bahasa Arab terbina berdasarkan makna leksikal yang dibawa oleh setiap perkataan yang membentuk ungkapan konjungsi berkenaan. Secara umumnya, setiap ungkapan konjungsi membawa maksud kesinambungan idea yang memerlukan pembaca melihat ayat atau unsur teks sebelum dan selepasnya. Ini bermakna sesuatu konjungsi teks mestilah

berjaya mewujudkan pertalian di antara makna semantik yang terdapat sebelum dan selepasnya. Berikut dinyatakan beberapa contoh konjungsi teks:

1- وَمِنَ الْمُقْرَرِ seperti yang terdapat dalam keratan teks berikut⁶⁸:

[3.77]

وَقَدْ رَفَضَتُ الْعَدِيدُ مِنْ هَذِهِ الْقَضَايَا فِي الْأُولَئِكَةِ الْأَخِيرَةِ لِأَسْبَابٍ إِحْرَانِيَّةٍ.
وَمِنَ الْمُقْرَرِ أَنْ يُصْدِرُ حُكْمًا فِي أَخْدَثِ قَضِيَّةٍ مِنْ هَذَا التَّوْزِيعِ فِي ۱۷ مَارْسِ / آذار المُقْبِلِ.

2- وَمِنَ الْمُنْتَظَرِ seperti yang terdapat dalam keratan teks berikut⁶⁹:

[3.78]

فَقَدْ رَاسَتَقْبَلَ الْمُدِيرُ الْعَامُ لِلشُّؤُونِ الْقُنْصُلِيَّةِ فِي وِزَارَةِ الْخَارِجِيَّةِ الْإِيْرَانِيَّةِ صَبَاحَ الْيَوْمِ الْقَائِمِ بِالْأَعْمَالِ الْبَرِيطَانِيِّ نِيلَ كَرَامْبُون، وَمِنَ الْمُنْتَظَرِ أَنْ يُسْتَقْبِلَ غَدًّا سُفَرَاءَ بِلْجِيَّكَا وَفَرْنَسَا وَهُولَنْدَا لِإِلَاغْرِيَّهُمْ بِالْإِحْرَاءِاتِ الَّتِي تَنْتَوِيُ إِلَى نَخَادَهَا حِيَالَ رَعَايَاهُمُ الْمُعْتَقَلِينَ فِي إِيْرَانِ.

3- وَفِي نَفْسِ السِّيَاقِ seperti yang terdapat dalam keratan teks berikut⁷⁰:

[3.79]

وَأَكَدَ وَزِيرُ الدُّولَةِ الْكُويْتِيِّ لِلشُّؤُونِ الْخَارِجِيَّةِ الشِّيْخُ مُحَمَّدُ صَبَاحُ الصَّبَاحِ تَقْدِيمَ الْحِمَاءِ الْقَانُونِيَّةِ لِلشَّجَنَاءِ الْكُويْتِيِّينَ مِنْ عَامِينَ وَمُسْتَشَارِيَنَ لِضَمَالِنِ حُكَّامَتِهِمْ حُكَّامَةً عَادِلَةً. وَفِي نَفْسِ السِّيَاقِ تَبَحُثُ جَمِيعَةُ حُقُوقِ الإِنْسَانِ

البحرينية عن مفهودين بحرينيين ذهبوا للقتال إلى جانب حركة طالبان في
أفغانستان.

4- seperti yang terdapat dalam keratan teks berikut⁷¹:

[3.80]

وكان من الممكِن طي الملف دون إثارة، وتحجِيل أو لكيك العمل إلى
بلدَاهُم دون دعائية. ونظراً لضعف الوعي والتجربة السياسية، لم تدرك
المُحرَّكة أن مثل هذه الأمور تحتاج إلى فقهٍ ينظر أبعدَ من هذا الوقت في
الزمان، وأبعدَ في أفغانستان في المكان.

5- seperti yang terdapat dalam keratan teks berikut⁷²:

[3.81]

أما من حيث العلاقات السياسية فقد ظلت باكستان دوماً ممزقةً بين
التوجه الوطني ضد الهند والرابطة الإسلامية العامة، واحتلَّت تائياً كُلَّ من
التعنتين بحسب الميزان السياسي الداخلي والظروف الجيوبوليتية. ومع ذلك
يمكن القول إن باكستان كانت أنجح الدول الإسلامية في مجال العلاقات
السياسية العسكرية خلال الأعوام الخمسين المنصرمة.

6- وَمِنْ جِهَةٍ أُخْرَى dan وعلى صعيدِ ، وأشارَ إلى ، وأضافَ أنَّ

dalam potongan teks berikut⁷³:

[3.82]

قال مسؤول لجنة الارتباط العسكري الفلسطيني الإسرائيلي العقيد خالد أبو العلاء إن الجيش الإسرائيلي يعمل على إقامة منطقة عازلة داخل الأراضي الفلسطينية على امتداد قطاع غزة شبيهة بالشريط الحدودي في جنوب لبنان. وأضاف أن الجيش الإسرائيلي بدأ إقامة هذه المنطقة بعمق يصل إلى كيلومتر تقريباً منذ الأسبوع الماضي، وسيطر حالياً على كل المنطقة بين بيت حانون شمالاً وحتى مدينة رفح جنوباً. وأشار إلى أن الجيش الإسرائيلي احتل معظم مواقع قوات الأمن الحدودية على طول الحدود الشرقية الحاذية لإسرائيل، وأن جميع الأماكن الاستراتيجية والمرتفعات الواقعة على طول قطاع غزة من جهة الشرق تحديداً أصبحت محتلة. وعلى صعيد الجهود السياسية لاحتواء الأزمة يتوجه وزير الخارجية الأردني مروان العشر إلى رام الله الثلاثاء القادم في زيارة قصيرة يلتقي فيها الرئيس الفلسطيني. وقال مصدر فلسطيني إن العشر سيبحث مع عرفات آخر المستجدات في الأوضاع المتفاقمة في المنطقة. ومن جهة أخرى يتوجه وزير الخارجية الإسرائيلي شمعون بيريز الخميس إلى مدريد في زيارة رسمية يلتقي فيها برئيس الوزراء الإسباني خوسيه ماريا أزنار الذي تتولى سلاده الرئاسة الدورانية للاتحاد الأوروبي ووزير الخارجية خوسيه بيسكيه.

7- seperti yang terdapat dalam keratan teks **ويندُر أن** dan **فإذا كانت**

berikut⁷⁴:

[3.83]

وَكَانَ فِي وُسْعِ إِسْلَامِ آبَادِ الضَّغْطُ السِّيَاسِيُّ عَلَى طَالِبَانِ لِقَبْوِلِ حُلُولٍ
وَسَطِّ أوْ حَتَّى تَدْبِيرِ انْقِلَابٍ مِنْ دَاخِلِ طَالِبَانِ يُعِيرُ الْوُجُوهَ الْمُوَاقِفَ. فَإِذَا
كَانَتْ طَالِبَانِ مُحْكُومًا عَلَيْهَا بِالرَّحِيلِ، فَالْأُولَى إِنْخَازُ ذَلِكَ بِطَرِيقَةٍ تُجَاهِّزُ
الشَّعْبَ الْأَفْغَانِيَّ دَفْعَتْ مِنَ الْحَرْبِ. لَكِنَّ الْجَنَّالَ مُشْرِفَ كَانَتْ لَهُ أَوْلَوْيَاتٍ
أُخْرَى غَيْرَ حِمَايَةِ أَرْوَاحِ الْأَفْغَانِ وَتَأْمِينِ ظُهُورِ باِكِسْتَانَ. وَيَدُوِّيُّ أَنَّ الْقِيَادَةَ
الْبَاقِسْتَانِيَّةَ بَدَأَتْ تُدْرِكُ - رُبَّما بَعْدَ فَوَاتِ الْأَوَانِ - أَهْمَاءَ بَذَلَتْ أَكْثَرَ مِمَّا
يَنْبَغِي بِعِنْدِهِ مُقَابِلٍ.

8- seperti yang terdapat dalam potongan teks berikut⁷⁵: في هذه الأثناء

[3.84]

وَقَالَ بِأَهْمَاءَ تَشَكَّلَ تَحْديًّا جِدِيدًا لِكُلِّ الْجُهُودِ الدُّولِيَّةِ وَالْعَرَبِيَّةِ الْمَبْدُولَةِ "مِنْ
أَجْلِ وَقْفِ الْعُدُوَانِ الإِسْرَائِيلِيِّ وَالْحِصَارِ الْمَفْرُوضِ عَلَى الشَّعْبِ
الْفِلَسْطِينِيِّ. فِي هَذِهِ الْأَثْنَاءِ أَعْلَمَ مَصْدِرُ سِيَاسِيٍّ إِسْرَائِيلِيٍّ لَمْ يُكَشِّفْ عَنْ
إِيمَانِهِ أَنَّ إِسْرَائِيلَ سَتُرَدُّ عَسْكِرِيًّا عَلَى مَا سَمَاهُ الْاعْتِدَاءُاتِ الْفِلَسْطِينِيَّةِ بِشَكْلٍ
تَدْرِيجِيٍّ سَتَرَدَادٌ وَقَوْمٌ فِي الْأَيَّامِ الْقَلِيلَةِ الْمُقْبَلَةِ".

9- وَعَلَى الرَّغْمِ seperti yang terdapat dalam potongan teks berikut⁷⁶:

[3.85]

وَقَدْ قَدِرَ عَدْهُمْ وَقَتَ الْإِسْتِيَطَانِ الْأَوْرُوبِيِّ بِحَوَالَيْ ٣٠٠٠ آلْفِ شَخْصٍ، أَمَّا
فِي الْوَقْتِ الْحَاضِرِ فَهُمْ حَوَالَيْ ١٥٠٠ آلْفِ شَخْصٍ. وَعَلَى الرَّغْمِ مِنْ أَنَّ

الهجرات الآسيوية أسبق تارياً من الهجرات الأوروبية، فإن هذه الهجرات لم تصمد طويلاً أمام الهجرة الأوروبية.

10- ووقفاً seperti yang terdapat dalam potongan teks berikut⁷⁷:

[3.86]

وَكَانَ الْخَرْطُومُ قَدْ أَعْلَمَتْ أَنْ قَوْاعِدَهَا قُتِلَتْ أَرْبَعَةٌ مُسْلِحَينَ فِي ٤ فِسْرَافِير / شَبَّاطِ الْجَارِيِّ وَاسْتَولَتْ عَلَى عَدَدٍ كَثِيرٍ مِنَ الْأَسْلِحَةِ عِنْدَمَا تَصَدَّتْ لِلْجُوْمِ عَلَى مَوْقِعِ عَسْكَرِيِّ قُرْبَ شِيلِيلُوبَ عَلَى الْحُدُودِ مَعَ إِرِيتِرِيَا. وَوَقَاءِ لِسَمَا تَنَاقِلَتْهُ الصُّحُفُ السُّوَدَانِيَّةُ أَعْلَمَتْ قُوَّاتُ التَّحَالُفِ السُّوَدَانِيِّ - الَّتِي تَتَحَذَّدُ مِنْ إِرِيتِرِيَا قَاعِدَةَ هَاهُ - مَسْؤُلِيَّتَهَا عَنِ الْمُجُوْمِ.

11- وَاضْطَرَّ seperti yang terkandung dalam keratan teks dan وِيَالِتَالِي

berikut⁷⁸:

[3.87]

وَكَانَ وَاضِحًا لَدَيِّ الْإِدَارَةِ الْأَمِيرِكِيَّةِ أَنْ تَفَصِّلَ بَيْنِ الْإِسْلَامِ يَا عِبَارَهِ دِينًا وَبَيْنِ الْأَعْمَالِ الَّتِي يَقُومُ بِهَا بَعْضُ الْغَلَّاجِ الَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ الْخَمْرَ وَعِنْهُمْ أَخْطَاءُ فِي الْفَهْمِ. وَبِالْتَّالِي هُولَاءِ جَعَلُوا بَعْضَ الْبِلَادِ وَمِنْ ضِيقِهَا الْوِلَايَاتُ الْمُتَّحِدَةُ الْأَمِيرِكِيَّةُ هَدْفًا لِأَعْمَالِهِمْ. هَذَا الْعَمَلُ لَا شَكَّ أَنَّهُ قَدْ أَثَارَ بَعْضَ الْجَهَاتِ الْمُوَالِيَّةِ لِإِسْرَائِيلِ وَبَعْضَ الْإِتْجَاهَاتِ الصَّهِيُونِيَّةِ دَاخِلَ وَسَائِلِ الْإِعْلَامِ الْأَمِيرِكِيَّةِ، بَلْ حَتَّى فِي بَعْضِ الْأَوْسَاطِ الْمُتَنَفِّذَةِ فِي دَاخِلِ الْوِلَايَاتِ

المتحدة الأميركيّة. وواضح أنه كان هناك ترتيب لتحرّك سياسيّ أميركي على مستوىً كبير.

- 12- لِذلِكَ seperti yang terdapat dalam keratan teks berikut⁷⁹:

[3.88]

إِنَّ مُشْكِلَةَ أَمِيرِ كَاتَمْبُونِيْنِ فِي أَهَمَّ أَخْرَى الْإِمْپَراطُورِيَّاتِ فِي وَقْتٍ لَمْ يَعُدْ
الاستعمار السّياسِيِّ فِيهِ بِصَاعَةٍ رَاحِحةٌ. لِذلِكَ فَوْنَ الانتصَارِ الْأَمِيرِكِيِّ
السَّرِيعِ فِي مَعْرَكَةِ أَفْغَانِسْتَانِ لَنْ يَكُونَ أَكْثَرُ مِنْ بَذْرَةٍ لِمَا زَانَ سِياسِيَّةَ
وَعَسْكِرِيَّةَ جَدِيدَةٍ.

- 13- كَمَا أَنْ seperti yang terdapat dalam keratan teks berikut⁸⁰:

[3.89]

وَأَشَارَ إِلَى أَنَّ بَيْنَ الْقَتْلَى الثَّمَانِيَّةِ سِتَّ نِسَاءٍ كَمَا أَنَّ بَيْنَ الْجَرْحَى السِّتَّةِ
أَرْبَعَ نِسَاءٍ.

- 14- إِلَّا أَنْ seperti yang terdapat dalam keratan teks berikut⁸¹:

[3.90]

وَنَسْبَتِ الصَّحِيفَةُ إِلَى وَلِيِّ الْعَهْدِ السُّعُودِيِّ قَوْلَهُ إِنَّهُ كَانَ سَيَسْتَعِي إِلَى
حَشِيدٍ تَأْيِيدَ الْعَالَمِ الْعَرَبِيِّ بِاسْرِهِ لِاقْتِرَاهِهِ إِلَّا أَنَّهُ غَيْرَ رَأِيهِ بِشَأنِ الْمُخَطَّابِ
بَعْدَ أَنْ صَبَدَ شَارُونَ عَنْهُ وَقَمَعَهُ فِي الْأَكْرَاضِيِّ الْمُخْتَلِفِ إِلَى مُسْتَوَى لَا سَلِيقٍ
لَهُ مِنْ قَبْلِهِ.

- 15- يَيْدَ أَنْ seperti yang terdapat dalam keratan teks berikut⁸²:

[3.91]

وَقَدْ هَدَدَتِ الْوِزَارَةُ أَمْسَ السَّبْتِ الرَّاغِبِينَ فِي الْإِنْضِمَامِ لِلْإِضْرَابِ قَائِلَةً فِي
بَيْانٍ إِنَّ الْقَانُونَ يَنْظُمُ مَسْأَلَةَ التَّرَاعَاتِ الْجَمَاعِيَّةِ وَسَيُطبَقُ هَذَا الْقَانُونُ بِكُلِّ
صَرَامَيْهِ. يَبْدُ أَنَّ مُتَحَدِّثًا بِاسْمِ الْفِدْرَالِيَّةِ الْجَزَائِيرِيَّةِ لِعَمَالِ التَّرْبِيَّةِ وَهِيَ الْجَهَةُ
الْدَّاعِيَّةِ لِلْإِضْرَابِ قَالَ إِنَّ الْمُخْتَجِينَ تَجَاهَلُوا التَّهْدِيدَ.

- 16- ... فَـ ^{أَمَّا} seperti yang terkandung dalam keratan teks berikut⁸³:

[3.92]

وَلِوَضِيعِ الْمَوْقِفِ الْبَاكِسْتَانِيِّ فِي سَيَاقِهِ، يَبْغِي الإِنْتِهَا إِلَى أَنَّ الرَّعَاةَ الْعَسْكَرِيَّةَ
الْبَاكِسْتَانِيَّةَ قَدِيمَةٌ قَدْمُ الدُّولَةِ الْبَاكِسْتَانِيَّةِ ذَاهِهَا، وَهِيَ نَتْاجٌ لِطُرُوفِ نَشَأَةِ
تِلْكَ الدُّولَةِ كِيَانًا مُنْفَصِلًا عَنِ الْهَنْدِ. أَمَّا مِنْ حَيْثُ الْعَالَقَاتِ السِّيَاسِيَّةِ فَقَدْ
ظَلَّتِ الْبَاكِسْتَانُ دُومًا مُمْزَقَةً بَيْنَ التَّوْجِهِ الْوَطَنِيِّ ضِدَّ الْهَنْدِ وَالرَّابِطَةِ الإِسْلَامِيَّةِ
الْعَامَّةِ، وَاحْتَلَفَ تَأْثِيرُ كُلِّ مِنَ الْتَّرْعَيْنِ بِحَسْبِ الْمِزَانِ السِّيَاسِيِّ الدَّاخِلِيِّ
وَالظُّرُوفِ الْمُجَيَّبةِ.

- 17- ... إِضَافَةً إِلَى seperti yang terkandung dalam keratan teks berikut⁸⁴:

[3.93]

فَقَدْ وَجَدَ الرَّئِيسُ الْبَاكِسْتَانِيُّ إِلْخَرَالِ بِرُوِيزُ مُشَرَّفُ فِي الْحَرْبِ الْأَخِيرَةِ
فُرْصَةً لِلْزَّامِ الْعَرَبِ بِقُبُولِ سُلْطَتِهِ الْعَسْكَرِيَّةِ مُقَابِلَ التَّنَازُلِ عَنْ عُمُورِ
بَاكِسْتَانِ الإِسْتَرَاطِيجِيِّ فِي أَفْغَانِسْتَانَ، وَصَادَفَ ذَلِكَ حَاجَةً مَاسَّةً مِنْ
أَمِيرِ كَا إِلَى الْعَوْنَ الْبَاكِسْتَانِيِّ، إِضَافَةً إِلَى أَنَّ أَمِيرِ كَا تُحْسِنُ ذَلِكَ التَّوْعَ مِنَ

المقايضة، بل إن إستراتيجيتها في الدول العربية والإسلامية كلها قائمة على هذه العادلة.

- 18- seperti yang terkandung dalam keratan teks berikut⁸⁵:

[3.94]

أن تذهب إلى آسيا الوسطى يعني أنك توغل في التاريخ الذي سرّاه حاتماً
أمامك في الشوارع والأزقة على حد سواء.

- 19- سرعان ما seperti yang terkandung dalam contoh keratan teks berikut⁸⁶:

[3.95]

إنما الاتحاد السوفيتي فخررت من تحت عباءته خمس دول في آسيا
الوسطى، سرعان ما يكشف أن على سطحها تعيش كتلة إسلامية
معتبرة، وفي باطنها ثروة نفطية ضخمة.

3.6 Kohesi Leksikal

Dalam bahagian-bahagian yang lepas, pengkaji telah membincangkan jenis-jenis kohesi nahu atau gramatikal iaitu kohesi rujukan, kohesi elipsis, kohesi substitusi dan kohesi konjungsi. Selain daripada kohesi nahu, terdapat juga kohesi leksikal yang menghubungkan antara bahagian-bahagian teks berdasarkan pemilihan kosa kata tertentu.

Halliday dan Hasan (1976) membahagikan kohesi leksikal secara umumnya kepada dua bahagian utama. Pertama ialah pengulangan

(*reiteration*) iaitu penggunaan kosa kata yang mempunyai pertalian dengan kosa kata sebelumnya. Ia boleh di klasifikasikan kepada pengulangan (*repetition*), sinonim (*synonym*) atau sinonim hampir sama (*near-synonym*) dan superordinat (*superordinate*) atau kata am (*general word*). Ini terkandung dalam pernyataan mereka seperti berikut:

"Reiteration is a form of lexical cohesion which involves the repetition of a lexical item, at one end of the scale; the use of a general word to refer back to a lexical item, at the other end of the scale; and a number of things in between - the use of a synonym, near-synonym, or superordinate".
(1976:278)

Renkema (1993) pula membahagikan pengulangan (*reiteration*) secara umumnya kepada lima jenis iaitu pengulangan (*repetition*), sinonim (*synonym*), hiponim (*hyponym*), metonimi (*metonymy*) dan antonim (*antonym*).⁸⁷

Kedua adalah kolokasi (*collocation*) iaitu asosiasi di antara dua atau lebih perkataan yang berada dalam lingkungan yang sama. Kohesi leksikal kolokasi ini membenarkan apa sahaja perkataan yang difikirkan mempunyai hubungan konteks yang serupa dengan perkataan yang lain sebagai kaedah pembinaan ketenunan wacana. Skop kohesi leksikal diperluaskan kepada apa sahaja pasangan perkataan yang diterima sebagai mempunyai persamaan dari segi leksikosemantiknya. Ini bermakna unsur-unsur leksikal yang berasal daripada kolokasi yang sama berupaya menghasilkan pertalian kohesi sekiranya terletak dalam bahagian-bahagian teks yang berdekatan. Hal ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:285-286) seperti berikut:

"We can therefore extend the basis of the lexical relationship that features as a cohesive force and say that there is cohesion between any pair of

lexical items that stand to each other in some recognizable lexicosemantic (word meaning) relation ... In general, any two lexical items having similar patterns of collocation – that is, tending to appear in similar contexts – will generate a cohesive force if they occur in adjacent sentences."

Dalam bahasa Arab, jenis-jenis leksikal sebagaimana yang dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976) ada juga dijelaskan oleh sarjana linguistik moden Arab. Walaupun begitu, penjenisan leksikal yang dilakukan tidak banyak berbeza dengan apa yang dilakukan oleh sarjana Barat. Perlu dinyatakan di sini bahawa penjenisan leksikal yang dilakukan oleh sarjana Arab tidak dilakukan dalam konteks perbahasan pertalian kohesi dalam wacana yang sedang kita bincangkan. Walau bagaimanapun, ia masih bermanfaat terutama dalam usaha memahami pembahagian leksikal Arab dari sudut pandangan sarjana Arab sendiri. Di sini, pengkaji akan menyatakan secara ringkas tentang penjenisan leksikal sebagaimana yang diutarakan oleh Ahmad Mukhtar (1988) dan Ahmad Muhammad Qaddur (1995).

Ahmad Mukhtar (1988) menyatakan bahawa leksikal Arab boleh diklasifikasikan kepada jenis-jenis berikut:

1- Al-tarādūf atau sinonim yang boleh dibahagikan seperti berikut:

- i- Tarādūf sempurna (*perfect synonym*) iaitu apabila kedua-dua perkataan membawa makna yang benar-benar sama sehingga penutur bahasa berkenaan tidak dapat menyatakan sebarang perbezaan. Contohnya أُمْ وَالدُّنْيَا.

- ii- Tarāduf hampir sama (*near-synonym*) iaitu apabila perkataan-perkataan membawa makna yang hampir sama sehingga menyukarkan kebanyakan pengguna bahasa menyatakan perbezaan di antaranya. Contohnya حَوْلُ سَنَةً وَعَامٌ.
- iii- Tarāduf yang mempunyai perkaitan makna tetapi berbeza sekurang-kurangnya dalam satu aspek. Contohnya حَلْمٌ وَرُؤْيَا.
- iv- Tarāduf yang mengandaikan bahawa sesuatu makna itu terhasil akibat makna yang terdapat dalam bentuk sebelumnya. Umpamanya ungkapan [3.97] di bawah juga membawa makna seperti yang terdapat dalam ungkapan [3.96] sebelumnya.

[3.96] لَيْسَ كُلُّ شَخْصٍ حَضِيرٌ

[3.97] بَعْضُهُمْ لَمْ يَحْضُرْ

- v- Tarāduf melalui penggunaan ayat-ayat yang bersinonim iaitu apabila dua ayat memiliki makna yang sama. Ini dapat diperhatikan dalam ayat [3.99] yang mengungkap kembali makna dalam ayat [3.98] dengan cara yang lain seperti berikut:

[3.98] إِشْتَرَى تِبْيَانٌ مِّنْ مُّحَمَّدٍ أَلَّا كَاتِبٌ يُبْلِغُ ۖ ۱۰۰ دِينَارٍ

[3.99] بَاعَ مُحَمَّدٌ لِي أَلَّا كَاتِبٌ يُبْلِغُ ۖ ۱۰۰ دِينَارٍ

- vi- Tarāduf melalui terjemahan sama ada di antara dua bahasa atau dalam satu bahasa. Contohnya نَصْ شِفْرِيَّ yang seerti dengan كُرْتِيَّ yang melalui terjemahan dengan menggunakan bahasa yang sama.

vii- Tarādūf melalui tafsiran atau interpretasi iaitu apabila tafsiran bagi sesuatu unsur bahasa lebih mudah difahami daripada unsur bahasa tersebut. Oleh itu, tafsiran dan unsur bahasa yang ditafsirkan membawa maksud yang sama.⁸⁸

2- **Al-isyimāl** atau **hiponim** iaitu hubungan di antara makna perkataan yang spesifik dan makna perkataan yang umum. Contohnya perkataan-

perkataan كَلْبٌ dan فَرَسٌ، بَقَرَةٌ setiap satunya merupakan hiponim kepada

perkataan حَيْوَانٌ kerana semua perkataan tersebut mengandungi makna

haiwan. Perkataan حَيْوَانٌ pula menjadi superordinat kepada perkataan-

perkataan كَلْبٌ dan فَرَسٌ، بَقَرَةٌ. Hubungan di antara كَلْبٌ dan فَرَسٌ، بَقَرَةٌ pula

dinamakan ko-hiponim.

3- 'Alāqat al-juz' bi al-kull atau hubungan sebahagian dengan keseluruhan (*part-whole relation*). Contohnya hubungan di antara

perkataan أَنْسَابٌ dan إِصْبَعٌ. Makna perkataan أَنْسَابٌ merupakan sebahagian

daripada makna perkataan إِصْبَعٌ. Ini berbeza dengan hiponim di mana فَرَسٌ

bukanlah sebahagian daripada حَيْوَانٌ sebaliknya hanya sejenis haiwan.

4- **Al-tadād** atau **antonim** yang boleh dibahagikan seperti berikut:

- i- Tadād yang tidak mempunyai tingkatan khusus iaitu tidak boleh ditentukan tahap makna perkataan seperti banyak, sedikit dan sebagainya. Contohnya ذَكْرٌ serta أَغْرَبُ مُتَرَوْجٌ، حَيٌّ مِيتٌ dan أَنْثَى.
- ii- Tadād yang mempunyai tingkatan khusus iaitu boleh ditentukan tahap makna perkataan seperti banyak, sedikit dan sebagainya. Contohnya apabila kita menyebut ungkapan الحَسَاءُ السَّاخِنُ dan الْمَاءُ السَّاخِنُ. Makna perkataan الحَسَاءُ السَّاخِنُ pada الْمَاءُ السَّاخِنُ sudah tentu tidak sama dengan makna الْمَاءُ السَّاخِنُ pada الحَسَاءُ السَّاخِنُ. Ini adalah kerana, tafsiran panas adalah berbeza-beza mengikut situasi dan dalam hal ini panas sup sudah tentu berbeza dengan panas air. Oleh itu, apabila disebut ayat tadi, tidak semestinya perkataan ابَارِدٌ menjadi tadād bagi perkataan الحَسَاءُ السَّاخِنُ kerana terdapat perkataan yang lain seperti الدَّافِئُ dan sebagainya bergantung kepada tahap makna perkataan yang dikehendaki.
- iii- Tadād yang membawa maksud pertentangan (*converseness*). Contohnya زَوْجٌ بَاعٌ dan اشْتَرَى زَوْجٌ serta اشْتَرَى بَاعٌ.

- iv- **Taqādūm** yang berdasarkan arah atau haluan yang berlawanan.
Contohnya يَذْهَبُ إِلَيْهِ أَعْلَىٰ وَأَسْفَلُّ serta بَاتِيٌّ dan أَغْلَىٰ. Pasangan perkataan ini menunjukkan pertentangan arah di antara satu sama lain.
- v- **Taqādūm** yang berdasarkan pertentangan secara menegak seperti الْمَرْبُّ وَالشَّرْقُ yang dibandingkan dengan الشَّمَاءُ وَالشَّمَائِلُ dan **Taqādūm** yang berdasarkan pertentangan secara berlawan seperti الشَّمَاءُ وَالشَّمَائِلُ dan الْمَرْبُّ وَالشَّرْقُ serta الْجَنَوبُ وَالْغَربُ.

5- **Al-tanāfur** atau ketidaksesuaian (*incompatibility*) iaitu apabila sesuatu perkataan digunakan untuk menafikan perkataan yang lain. Contohnya perkataan كُلُّ وَقْتٍ di mana قَطّْ bukannya كُلُّ, begitulah sebaliknya.⁸⁹

Manakala Ahmad Muhammad Qaddūr (1995) pula menyatakan bahawa leksikal Arab dapat diklasifikasikan kepada beberapa jenis yang sebahagiannya telahpun dinyatakan oleh Ahmad Mukhtār (1988). Pembahagian Ahmad Muhammad Qaddūr adalah seperti berikut:

- 1- **Al-dāl** dhū al-madlūl al-wāhid atau monosemi (*monosemy*) iaitu perkataan yang hanya mempunyai satu sahaja makna.
- 2- **Al-isytimāl** atau hiponim
- 3- **Al-tarāduf** atau sinonim

4- **Ta'addud al-ma'nā** atau **polisemi (polysemy)** iaitu apabila satu perkataan mempunyai lebih daripada satu makna. Contohnya perkataan عَيْنٌ.

5- **Al-musytarak al-lafziyy** atau **homonim (homonym)** iaitu apabila dua perkataan atau lebih daripada asal yang berlainan berkongsi sama ada sebutan atau tulisan atau kedua-duanya sekali. Contohnya perkataan المُرْبُّ yang menjadi maṣdar atau kata nama perbuatan bagi kata kerja غَرَبَ atau menjadi kata jamak bagi perkataan mufrad غَرْبٌ.

6- **Al-tadād** atau **antonim** yang termasuk juga dalam kategorinya satu perkataan yang mempunyai dua makna yang berlawanan. Contohnya perkataan حَلَلْ yang membawa dua erti yang bertentangan iaitu عظيمٌ dan حَمِيرٌ. Begitu juga perkataan الجُنُونُ yang juga membawa dua makna yang berlawanan iaitu الأَيْضُ^{٩٠} dan الأَسْوَدُ.

3.7 Penutup

Semua jenis kohesi yang telah dijelaskan mempunyai fungsi yang sama iaitu menghubungkan bahagian-bahagian ayat dan teks bagi menghasilkan wacana yang difahami atau berkesinambungan dari segi semantik dan teratur dari segi struktur. Perbezaan di antara kohesi nahu dan

kohesi leksikal amat jelas kerana kohesi leksikal hanya menumpukan pertalian teks berdasarkan perkataan-perkataan yang digunakan dan ia tidak menyentuh langsung perkaitan pada peringkat nahu dan semantik seperti kohesi nahu. Perbezaan di antara jenis-jenis kohesi nahu pula dapat dilihat setelah dihalusi mekanisma dan fungsi masing-masing dalam wacana.

Kohesi substitusi berbeza daripada kohesi rujukan pada aspek substitusi lebih menekankan kepada perkaitan perkataan dan frasa manakala rujukan lebih menumpukan kepada perkaitan makna. Dengan kata lain, rujukan adalah perkaitan pada peringkat semantik manakala substitusi adalah perkaitan pada peringkat leksikogrammatikal. Elipsis pula pada hakikatnya berasal daripada substitusi tetapi dipisahkan kerana kohesi elipsis hanya membenarkan penggantian atau substitusi sifar berbanding dengan kohesi substitusi yang membenarkan substitusi unsur. Kohesi konjungsi pula berbeza daripada jenis-jenis kohesi nahu yang lain kerana konjungsi tidak memerlukan pembaca atau pendengar melakukan proses pencarian pada mana-mana bahagian teks sebelum dan selepasnya. Kohesi konjungsi adalah kohesi yang terhasil daripada makna pertalian yang dibawanya sendiri.

CATATAN BAB 3

- 1 Salkie (1995:65)
- 2 Halliday dan Hasan (1976:31-37)
- 3 Halliday dan Hasan (1976:37)
- 4 Syeikh Muṣṭafā Al-Ghalāyīniyy, Jilid 1 (1973:116)
- 5 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:218)
- 6 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:221)
- 7 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:226-227)
- 8 Abduh Al-Rājihiyy (1988:37)
- 9 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:220)
- 10 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:221-224)
- 11 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:219)
- 12 Lihat penjelasan dalam bahagian 3.2.1.1 dan 3.2.1.2 bab ini
- 13 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:219)
- 14 Abduh Al-Rājihiyy (1988:43)
- 15 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:228)
- 16 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:321)
- 17 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:322-324)
- 18 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:324-328)
- 19 Abbās Ḥasan ,Jilid 1 (1974:328-330)
- 20 Halliday dan Hasan (1976:142)
- 21 Harimurti Kridalaksana (1983:40)
- 22 Penggunaan lambang <> yang menunjukkan tempat berlakunya elipsis dilhamkan daripada Salkie (1995)

- 23 Halliday dan Hasan (1976:142-225)
- 24 Abbās Ḥasan, Jilid 2 (1974:56)
- 25 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:507)
- 26 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:507-509)
- 27 Maḥmūd Ḥusniyy (1997:168)
- 28 Abduh Al-Rājīhiyy (1988:93)
- 29 Terjemahan ‘āmil kepada istilah Inggeris diambil daripada *Al-Mu’jam al-Muwāḥḥad li Muṣṭalaḥāt al-Lisāniyyāt* yang diterbitkan pada tahun 1989
- 30 Maḥmūd Ḥusniyy (1997:175-178)
- 31 Maḥmūd Ḥusniyy (1997:191)
- 32 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:582-586)
- 33 Abbās Ḥasan, Jilid 2 (1974:57)
- 34 Contoh [3.23] dipetik daripada surah Al-Qaṣāṣ, ayat 62
- 35 Abbās Ḥasan, Jilid 1 (1974:708-709)
- 36 Contoh [3.25] dipetik daripada surah Al-Baqarāt, ayat 183
- 37 Abbās Ḥasan, Jilid 2 (1974: 70-71)
- 38 Abduh Al-Rājīhiyy (1988:187)
- 39 Abbās Ḥasan, Jilid 2 (1974:179)
- 40 Contoh [3.31] dipetik daripada surah Al-Ḍuḥā, ayat 1-3
- 41 Abbās Ḥasan, Jilid 2 (1974:179-181)
- 42 Abbās Ḥasan, Jilid 2 (1974:56-57)
- 43 Contoh [3.36] dipetik daripada surah Al-Nisā’, ayat 176
- 44 Maḥmūd Ḥusniyy (1997:289)
- 45 Abbās Ḥasan, Jilid 2 (1974:181)
- 46 Abbās Ḥasan, Jilid 2 (1974:361-362)
- 47 Abbās Ḥasan, Jilid 2 (1974:408-411)

- 48 Contoh [3.46] dipetik daripada surah Al-Kahf, ayat 79
- 49 Contoh [3.48] dipetik daripada surah Al- 'A'lā, ayat 13
- 50 Abbas Hasan, Jilid 3 (1974:492-496)
- 51 Harimurti Kridalaksana (1983:159)
- 52 Halliday dan Hasan (1976:88-141)
- 53 Abbas Hasan, Jilid 1 (1974:33-45)
- 54 Halliday dan Hasan (1976:226)
- 55 Harimurti Kridalaksana (1983:90)
- 56 Halliday dan Hasan (1976:226-272)
- 57 Bilangan ini sebagaimana yang ditetapkan oleh Abbas Hasan (1974) dan Abdurrahman Rajhiyy (1988) manakala Syeikh Mustafa Al-Ghalayiniyy (1973), Ahmad Qabbisy (1974) dan Mahmud Husniyy (1997) menetapkan sebanyak sembilan
- 58 Syeikh Mustafa Al-Ghalayiniyy, Jilid 3 (1973:246-247)
- 59 Abbas Hasan, Jilid 3 (1974:603-610)
- 60 Contoh [3.67] dipetik daripada surah Al-Ra'd, ayat 16
- 61 Syeikh Mustafa al-Ghalayiniyy, Jilid 3 (1973:248-249)
- 62 Mahmud Husniyy (1997:406)
- 63 Abbas Hasan, Jilid 3 (1974:612-613)
- 64 Huruf jar yang masyhur mengikut Abbas Hasan (1974) ialah حَتَّىٰ , إِلَىٰ , مِنْ , حَلَّاً , مَقِيٰ , لَعَلَّ , الْبَاءُ , الْكَافُ , التَّاءُ , الْوَaoُ , كَيٰ , اللَّامُ , رَبُّ , مُنْدُ , مُذْ , عَلَىٰ , عَنْ , فِي , حَاسِنًا وَعَدَّا .
- 65 Pembahagian ini sebagaimana yang ditetapkan oleh Abbas Hasan (1974) dan Ahmad Qabbisy (1974)
- 66 Abbas Hasan, Jilid 2 (1974:434)
- 67 Abbas Hasan, Jilid 2 (1974:431-439)
- 68 Keratan teks [3.77] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002

- 69 Keratan teks [3.78] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 70 Keratan teks [3.79] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 71 Keratan teks [3.80] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 72 Keratan teks [3.81] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 73 Keratan teks [3.82] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 74 Keratan teks [3.83] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 75 Keratan teks [3.84] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 76 Keratan teks [3.85] dipetik daripada majalah *Al-'Arabiyy*, Mac 1990,
Bil:376
- 77 Keratan teks [3.86] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 78 Keratan teks [3.87] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 79 Keratan teks [3.88] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 80 Keratan teks [3.89] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 81 Keratan teks [3.90] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 82 Keratan teks [3.91] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 83 Keratan teks [3.92] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002
- 84 Keratan teks [3.93] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002

85 Keratan teks [3.94] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002

86 Keratan teks [3.95] dipetik daripada <http://www.aljazeera.net> bertarikh 18/2/2002

87 Renkema (1993:39-40)

88 Ahmad Mukhtar (1988:220-223)

89 Ahmad Mukhtar (1988:98-106)

90 Ahmad Muhammad Qaddur (1995:309-321)